

Jilid II  
Bil. 25



Hari Khamis  
13hb Disember, 1984

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 3269]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 [Ruangan 3308]**

**Rang Undang-undang Kewangan [Ruangan 3368]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KEENAM – DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik)
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik)
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, P.S.M., S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., J.P. (Dilantik)
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik)
- „ Lt. Kol. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik)
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik)
- „ TOH MUDA DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik)
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik)
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)
- „ DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN (Sarawak)
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik)
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik)
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- „ DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang)
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik)
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM @ HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu)
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik)
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik)
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan)
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)

- Yang Berhormat DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K.  
(Pulau Pinang)
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah)
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik)
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik)
- „ TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan)
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N.,  
J.B.S. (Sarawak)
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)
- „ TUAN KUAN PENG SOON @ KUAN PENG CHING (Perak)
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS, P.B.S. (Dilantik)
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik)
- „ CIK LIM SEAN LEAN @ LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik)
- „ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang)
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K.  
(Dilantik)
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan)
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis)
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)
- „ TUAN MOHD. YUSOFF @ YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan)
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka)
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka)
- „ TUAN NYANAPANDITHAN (Selangor)
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik)
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I.,  
J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)
- „ PUAN ROKIAH @ MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K.  
(Dilantik)
- „ TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu)
- „ TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik)
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik)
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik)
- „ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik)
- „ TUAN WONG YAU KET (Sabah)
- „ DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor)

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Khamis, 13hb Disember, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*  
*kan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAANMURID-MURID DI SEKOLAH  
TAMIL - KECICIRAN

1. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) kadar keciciran murid-murid di sekolah Tamil dari Darjah I hingga Darjah VI bagi tahun-tahun 1982 dan 1983; dan
- (b) tindakan yang sedang diambil untuk mengurangkan kadar keciciran ini.

**Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, kadar keciciran dari Darjah I hingga Darjah 6 sekolah rendah pengantar Bahasa Tamil adalah 2.6% dalam tahun 1982 dan 2.44% dalam tahun 1983. Antara tindakan-tindakan yang sedang diambil untuk mengurangkan kadar keciciran murid-murid Sekolah Tamil ialah:

1. Tiap-tiap tahun Jabatan Pelajaran Negeri melalui sekolah-sekolah akan memperingatkan ibu bapa untuk mendaftarkan anak-anak mereka.
2. Setiap orang anak-anak dijamin akan disediakan tempat belajar.

3. Menyediakan kemudahan pinjaman buku-buku teks.
4. Menyediakan khidmat-bantu melalui rancangan makanan tambahan, projek susu, kemudahan perpustakaan dan perkhidmatan gigi dan mata.

Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha membekalkan guru-guru terlatih ke sekolah-sekolah. Kementerian juga berusaha membaikpulih sekolah-sekolah yang uzur dan melengkapkan sekolah-sekolah dengan kemudahan-kemudahan pengajaran.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah sebab-sebabnya keciciran ini berlaku ke atas murid-murid ini. Adakah kerana sikap murid-murid itu sendiri atau kerana sikap ibu bapa murid itu sendiri yang tidak mengindahkan atas kepentingan anak-anak mereka sendiri selain daripada tiada kemudahan yang lengkap yang diberikan oleh Kerajaan. Dan selain daripada sekolah aliran Tamil, adakah juga keciciran ini berlaku di sekolah rendah kebangsaan Melayu.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, sikap pelajar dan ibu bapa adalah juga menjadi faktor yang menyebabkan keciciran walaupun itu tidak merupakan faktor terbesar dalam hal ini. Yang sebenarnya ialah kemudahan dan kemiskinan yang menyebabkan anak-anak kita tidak dapat meneruskan pelajaran mereka di sekolah maka dengan itu mereka tercicir.

Dan yang kedua terdapat juga keciciran di sekolah kebangsaan tetapi peratusnya tidak setinggi sekolah Tamil.

## BAHASA MALAYSIA DI PUSAT PENGAJIAN TINGGI

**2. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana kejayaan dan keberkesanan penggunaan Bahasa Malaysia di Pusat-pusat pengajian tinggi dalam negeri ini dan nyatakan juga sama ada benar bahawa:

- (a) ada halangan-halangan tertentu yang boleh menyebabkan kurang lancarnya penggunaan Bahasa Malaysia di Pusat-pusat pengajian tinggi berkenaan; dan
- (b) Dewan Bahasa dan Pustaka masih lagi kebelakangan dalam usahanya menterjemah buku-buku keperluan utama untuk pusat-pusat pengajian tinggi ini; jika benar nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasinya.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan memang sentiasa bersikap tegas terhadap penggunaan Bahasa Malaysia di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini. Pada masa ini lebih daripada 90% kursus-kursus yang diajar di semua institusi pengajian tinggi adalah diajar dalam Bahasa Malaysia.

Memanglah benar terdapat halangan-halangan tertentu yang menyebabkan kekurangan ataupun kurang lancarnya penggunaan Bahasa Malaysia di pusat-pusat pengajian tinggi kita. Di antaranya halangan-halangan ialah:

1. Kursus-kursus yang diajar oleh pensyarah kontrak yang tidak mahir berbahasa Malaysia terpaksa diadakan dalam bahasa Inggeris.
2. Tajuk-tajuk kursus yang belum lengkap susunan istilah Bahasa

Malaysia seperti dalam bidang kedoktoran, kedoktoran vaterina, perikanan dan sains alam sekitar terpaksa dijalankan dalam bahasa Inggeris.

3. Di Institut Teknologi MARA kursus-kursus profesional di mana peperiksaannya dikendalikan oleh badan-badan ikhtisas luar negeri seperti kursus ACCA dan ICMA terpaksa diajar dalam bahasa Inggeris kerana pelajar-pelajar juga dikehendaki menjawab peperiksaan dalam bahasa Inggeris.

Bagi soalan (b) pula Dewan Bahasa dan Pustaka tidak dapat menampung buku-buku keperluan utama untuk pusat-pusat pengajian tinggi sepenuhnya atas sebab-sebab berikut:

- 1 Jumlah keperluan yang amat besar iaitu meliputi 3,000 bidang.
- 2 Keperluan yang tidak tetap kerana setiap pensyarah menggunakan buku yang berbeza-beza, tambahan pula isi bidang kerap berubah.
- 3 Penggunaan buku berlainan dari satu universiti ke universiti.
- 4 Tenaga penulis, penterjemah dan editor menyunting buku pengajian tinggi dalam Bahasa Malaysia sangat kurang.

Mulai tahun 1983 Dewan Bahasa dan Pustaka telah mampu mengerjakan lebih kurang 60 hingga 80 tajuk pengajian universiti setahun. Ini meliputi buku karya asal dan juga buku terjemahan. Langkah-langkah yang diambil adalah:

- 1 Dewan Bahasa dan Pustaka akan memberi perhatian kepada peningkatan untuk mengeluarkan lebih banyak buku pengajian tinggi.
- 2 Dewan Bahasa dan Pustaka juga melibatkan penerbit-penerbit universiti sendiri dan beberapa buah penerbit swasta supaya melaksanakan peranan yang lebih aktif dalam penerbitan buku-buku pengajian tinggi dalam Bahasa Malaysia.

### HOSPITAL BARU DAERAH ALOR GAJAH

3. **Tuan Ng Ah Poi** minta Menteri Kesihatan menyatakan bila rancangan mendirikan Hospital Baru Daerah Alor Gajah, Melaka akan dimulakan.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Rancangan bagi mendirikan sebuah hospital baru bagi daerah Alor Gajah, Melaka, telah ditangguhkan oleh kerana keadaan kewangan negara sekarang tidak mengizinkan.

### PUSAT PENYELIDIKAN DAGANGAN MALAYSIA

4. **Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengadakan Pusat Penyelidikan bagi mengkaji dagangan Malaysia dengan negara-negara luar supaya seimbang.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak bercadang untuk mengadakan Pusat Penyelidikan bagi mengkaji perdagangan Malaysia dengan negara-negara luar. Sukacita dinyatakan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sendiri sentiasa meneliti perkembangan perdagangan serta arah aliran perdagangan antarabangsa Malaysia. Di samping itu kerjasama rapat sentiasa diadakan dengan jabatan-jabatan Kerajaan lain yang mempunyai kaitan dengan mengesan perkembangan luar. Tegasnya mekanisme yang terdapat sekarang adalah mencukupi dan memuaskan. Oleh yang demikian, tidak perlu diadakan satu badan yang lain.

### BANTUAN ORANG TUA MISKIN

5. **Tuan Loo Swee Mok** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada Kementerian mengkaji semula untuk mempertingkatkan bantuan orang tua miskin kerana \$50.00 bagi setiap orang tua miskin itu adalah tidak mencukupi untuk menyara hidup mereka.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan harga barang keperluan harian kian meningkat naik, Kementerian Kebajikan Masyarakat telah mengkaji semula kadar bantuan yang diberikan di bawah Skim Bantuan Orang Tua iaitu sebanyak \$50.00 sebulan dengan tujuan untuk menambahkan sedikit lagi bantuan tersebut. Namun begitu, kadar baru hanya dapat dilaksanakan apabila keadaan ekonomi negara mengizinkan.

**Tuan Loo Swee Mok:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah sebab kelewatan membayar bantuan kepada orang tua miskin yang memohon bantuan. Selepas pegawai menjalankan siasatan hingga 4 atau 5 bulan masih belum dapat menerima bantuan dari Jabatan Kebajikan. Oleh kerana mereka tidak mempunyai saudara mara maka mereka tidak dapat menerima bantuan dari mana-mana pihak. Boleh kata nasib mereka amat sedih dan pilu dan seperti seorang buta kehilangan tongkat. Saya berharap masalah ini dapat diatasi supaya mereka tidak akan mengalami kebuluran.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan Ahli Yang Berhormat itu dan saya berasa dukacita sekiranya ada permohonan-permohonan yang diperbuat oleh orang tua yang lambat dipertimbangkan ataupun diluluskan kerana pihak Kementerian telahpun mengarahkan Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat sama ada di peringkat daerah atau-

pun negeri mempercepatkan proses untuk memberikan bantuan kepada orang-orang tua yang layak iaitu orang tua yang berumur 60 tahun ke atas yang tidak berupaya ataupun tidak ada mata pencarian persendirian dan juga yang tidak ada saudara mara untuk membantunya. Jadi, saya berharap jika Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini mempunyai kes-kes yang spesifik seumpama itu saya bersedia mengkaji dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin tahu berapa banyakkah jumlah wang yang diberikan sebagai bantuan kepada orang tua-tua iaitu jumlah wang seluruh negara, bantuan Kerajaan dan adakah ianya merupakan sebagai satu ekonomik dan apakah juga cara-cara lain yang boleh difikirkan iaitu bantuan cara lain selain daripada memberikan wang tunai kepada mereka yang memerlukan bantuan ini kerana mungkin dengan bantuan wang \$50.00 ini kadangkala tidak sampai kepada yang menerima bantuan kerana terlalu kasih sayang kepada cucu, kepada anak dan wang ini sampai kepada mereka dan yang situa menderita tidak menerima tidak menikmati pun wang yang diberikan oleh Kerajaan ini. Jadi, adakah Kementerian Kebajikan Masyarakat membuat kajian apakah sebaik-baik bantuan yang boleh dinikmati oleh yang memerlukan bantuan selain daripada wang tunai.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama Ahli Yang Berhormat itu, suka saya menyatakan bahawa bantuan yang diberi kepada orang tua ini adalah datangnya daripada Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Sebagai misalan dalam tahun 1983 Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan sebanyak \$4,720,833 bagi membantu seramai 8,853 orang-orang tua. Bagi Kerajaan-kerajaan Negeri pula sejumlah \$5,918,057 telah

dikeluarkan untuk membantu sebanyak 17,231 orang-orang tua.

Bagi menjawab soalan yang kedua, saya juga berasa dukacita sekiranya ada bantuan-bantuan yang sepatutnya disampaikan kepada orang-orang tua tetapi diberikan kepada anak cucu dan sebagainya kerana kasih sayang. Yang sebenarnya bantuan itu ialah untuk menyara orang tua yang berkenaan dan memanglah kita sedar bahawa bantuan sebanyak \$50.00 itu mungkin tidak mencukupi untuk keperluan orang-orang tua. Oleh yang demikian, kita berharap bahawa orang tua itu juga kalau ada keupayaan dan juga tidak uzur dapat menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh menambahkan pendapatan mereka masing-masing dengan cara ala kadar orang tua untuk meninggalkan taraf ekonomi masing-masing sepertimana yang kita perbuat di Institusi Rumah Orang Tua yang ada dalam negara ini, maka kita mengalkan orang-orang tua ini membuat bakul ataupun membuat kerja-kerja yang senang dan hasil daripada usaha mereka itu kita akan berikan kepada orang-orang tua yang berkenaan. Jadi, ini terpulanglah kepada mereka masing-masing sekiranya ingin menjalankan sedikit sebanyak kerja bagi menambah pendapatan masing-masing.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tidak adakah Kerajaan bercadang supaya menyeru kepada syarikat-syarikat, firma-firma yang kaya raya dalam negara kita ini untuk dapat menolong membantu dalam keadaan kita yang Kerajaan kita kekurangan wang ini bagi dapat kita mengatasi masalah-masalah orang-orang tua miskin ini. Umpamanya diadakan majlis jamuan-jamuan untuk kutipan orang-orang tua ini sebagaimana yang kita dengar jamuan pesta bola, jamuan itu dan sebagainya, kutip \$10,000 satu meja dan sebagainya, tidakkah ada jalan begitu sedangkan Zoo Negara pun ada kutipan untuk haiwan-haiwan di sana. Apa

salahnya, rasa saya, syarikat-syarikat yang besar dan sebagainya diminta oleh Kementerian ini memberi bantuan sedikit sebanyak bagi menolong dalam keadaan negara kita ini kepada orang miskin dan orang susah.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita maklum bahawa pada masa ini memang sudah ada badan-badan kebajikan ataupun badan sukarela yang sentiasa berusaha untuk memberi layanan baik kepada orang-orang tua dan pada kebiasaannya selain daripada bantuan yang diberi oleh Kerajaan melalui persatuan-persatuan yang berkenaan untuk menjalankan sebuah institusi orang tua itu kita juga mendapatkan derma atau bantuan dari orang ramai termasuklah syarikat-syarikat yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Jadi, sama ada kita akan meminta kerjasama syarikat-syarikat yang besar ini untuk memberi satu jamuan ataupun mewujudkan satu tabung dan sebagainya untuk membantu orang miskin, ini sebenarnya memang kita sentiasa fikirkan dan misalnya sebagai permulaan bolehlah kita minta bantuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Negara ini (*Ketawa*).

#### GURU-GURU SEMENTARA MELANJUTKAN PELAJARAN KE MAKTAB

**6. Puan Habibah binti Abdul Ghani** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada guru-guru yang mengajar sementara diberi peluang untuk mengatasi kekosongan jawatan guru tetap dan seterusnya diberi peluang untuk melanjutkan latihan ke maktab perguruan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, jawatan tetap dan ditawarkan kepada mereka apabila mereka mendapat kelayakan yang diperlukan dan begitulah juga halnya dengan peluang untuk mendapat latihan perguruan.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, berapakah jumlahnya guru-guru sementara yang ada sekarang ini di seluruh negara? Kerana apa yang kita tahu kadang kala dikatakan tidak cukup guru dan sebagainya di sekolah-sekolah melalui suratkhobar dan sungutan daripada orang ramai, oleh itu saya ingin bertanya berapakah jumlah guru sementara yang ada sekarang ini. Kalau boleh, ditetapkan mereka itu ke jawatan tetap.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, angka yang tepat tidak dapat diberikan kerana guru sandaran/guru sementara itu ada beberapa kategori tetapi daripada segi kekosongan jawatan guru yang ada dalam Kementerian Pelajaran – kekosongan yang ada jumlahnya 16,700. Maka itu saya harap akan dapat memberi bayangan kepada Ahli Yang Berhormat tentang kehadiran guru sementara untuk mengisi jawatan kosong.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya berapa ramaikah bilangan guru dikeluarkan atau lelasan daripada maktab perguruan pada tiap-tiap tahun untuk memenuhi keperluan di seluruh negara. Jadi berapa banyak guru-guru itu yang boleh mengatasi kekurangan tiap-tiap tahun yang diperlukan ke keseluruhan negara yang dikeluarkan oleh maktab-maktab yang terdapat di seluruh negara kita?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya 6,000 orang setiap tahun.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Berkenaan masalah kekosongan guru, saya ingin tahu daripada Menteri berkenaan, berkenaan dengan kekurangan guru bahasa Inggeris, adakah Kementerian Pelajaran bercadang lagi untuk mengimport guru daripada luar negeri untuk mengajar bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di negara kita ini?

Yang kedua, adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk memberi kursus intensif kepada guru-guru yang umurnya 40 tahun yang tak dapat melanjutkan pelajaran lagi untuk mengajar bahasa Inggeris dan dengan ini dapat memberi imbuhan sedikit sebanyak kepada guru-guru yang berkenaan?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini keperluan guru untuk bahasa Inggeris tidak mencukupi dan dengan itu kita terpaksa bergantung kepada pengambilan guru dari luar negeri khususnya dari England.

Yang kedua, usaha-usaha sedang dijalankan pada masa sekarang untuk mengatasi kekurangan itu dengan mengadakan kursus-kursus sama ada dalam negeri ataupun luar negeri.

Dan ketiganya berhubung dengan pertanyaan yang khusus daripada Ahli Yang Berhormat tentang guru-guru yang lebih 40 tahun sama ada mereka diberi kursus khas untuk pengajaran bahasa Inggeris, di waktu ini belum ada kursus seumpama itu.

## UCAPAN PERDANA MENTERI DI BANGSA-BANGSA BERSATU

**7. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abd. Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan dalam ucapan Yang Amat Berhormat di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu baharu-baharu ini mendapat sambutan dan penghormatan yang tinggi dari banyak negara dalam dunia terutama negara-negara Islam sebaliknya mungkin ada juga negara-negara lain yang bersikap kontra atas ucapan itu, jika benar, sila sebutkan mana-mana negara yang kontra itu.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berucap di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang ke 39 pada 10hb Oktober, 1984.

Antara lain beliau telah mengulangi dengan tegas pendirian Malaysia terhadap isu-isu antarabangsa seperti Kampuchea, Palestine, Asia Barat, Afrika Selatan, Antartika, keselamatan antarabangsa, masalah dadah dan situasi ekonomi dunia.

Di samping itu, kita telah juga memperbaharui sokongan Malaysia sepenuhnya terhadap usaha-usaha untuk memperkukuhkan lagi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga telah menyatakan perspektif dan fahaman kita mengenai perkembangan dan kebangkitan Islam di masa ini yang mana selalu sahaja diputar belitkan dan diburuk-burukkan oleh musuh-musuh Islam.

Pada keseluruhannya ucapan itu telah disambut hangat oleh kebanyakan negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan khususnya negara-negara Islam dan negara-negara membangun. Walau bagaimanapun, sudah pasti ada negara-negara yang tidak menyetujui apa yang telah diutarakan oleh kita terutama sekali mengenai isu-isu seperti dasar apartheid di Afrika Selatan, Asia Barat, Palestine, Antartika dan lain-lain lagi. Ini adalah kerana pendirian kita bertentangan dengan pendirian negara-negara tersebut.

Amerika Syarikat umpamanya telah mengatakan secara tidak rasmi yang ia tidak bersetuju dengan beberapa isu antarabangsa yang kita bangkitkan. Begitu juga dengan negara-negara Blok Sosialis seperti Vietnam dan Soviet Union tidak yang bersetuju dengan pendirian kita terhadap isu seperti Kampuchea dan Afghanistan.

Sayugia dimaklumkan bahawa adalah menjadi satu perkara yang lumrah di dalam mana-mana juga forum antarabangsa di mana ada pihak yang menyokong dan yang tidak menyokong. Dalam hal ini yang terpenting sekali ialah bagi kita untuk meyakini masyarakat antarabangsa akan kesediaan Malaysia untuk sama-sama memikul tanggungjawab menye-

lesaikan masalah-masalah antara-bangsa' bersama-sama dengan negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang lain demi untuk mewujudkan keselamatan, kestabilan dan kemakmuran dunia.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri, soal-soal ini telah ditimbulkan oleh Menteri-menteri dan juga Perdana Menteri kita dan ingin saya bertanya apakah hasil ataupun apakah keistimewaan yang mana kita telah membincangkan soal Antartika, Pulau Benua yang mana saya tahu benua itu jauh daripada negara kita tetapi kita begitu gairah menyuarakan perkara itu. Apakah keuntungannya, saya ingin bertanya, kepada negara kita dan di sini juga saya ingin bertanya adakah manusia duduk di Pulau Benua itu dan seterusnya apakah hasil yang boleh dapat daripada Benua itu? (*Ketawa*)

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu bahawa salah satu sebabnya pimpinan yang ada sekarang ini mengambil peranan yang begitu aktif dalam isu antarabangsa adalah dengan kesedaran bahawa nasib kita ini begitu berkait rapat dengan nasib negara-negara lain ataupun keadaan di tempat-tempat lain sedikit sebanyak akan mempengaruhi nasib kita di sini. Oleh sebab itu kita telahpun membuat keputusan untuk bersama-sama memainkan peranan yang penting untuk membentuk keadaan antarabangsa untuk memandu berbagai situasi antarabangsa kepada keadaan yang kita kehendaki.

Kita tahu dalam beberapa tahun lagi teknologi manusia akan begitu maju maka kekayaan yang terdapat di Antartika itu dapat dieksploit. Pada masa itu, maka kita percaya bahawa kuasa-kuasa yang sudahpun mendaftarkan kepentingan mereka di benua itu sudah tentulah akan bertelagah sesama

mereka. Ini sudah tentu akan mengancam keadaan dunia dan ini pula akan mengancam keselamatan dan kesejahteraan kita. Jadi itu sebabnya kita mengutarakan isu ini sungguhpun kita tidak berkait dengan Antartika dan kita begitu jauh dari sana dan manusia pun tidak ada di sana. Sebab sekarang ini kalau kita memikirkan isu ini kita dapat fikir dengan perasaan dan pemikiran yang dingin dan tenang dan dengan itu dapatlah kita mencari satu penyelesaian ataupun mewujudkan satu regime untuk mentadbirkan benua itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Nen Abidah.

#### MENARIK BALIK SOALAN NO. 8

**Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya sama dengan soalan No. 5 yang baru dijawab oleh Menteri sebentar tadi. Maka dengan sukacita menarik balik soalan saya.

#### PADI – LANGKAH MENGATASI MASALAH TANAMAN

**9. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah Kerajaan dari segi jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah tanaman padi yang semakin berkurangan untuk memenuhi kehendak rakyat.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Pertanian Negara telah menetapkan bahawa pengeluaran beras dalam negara adalah bagi memenuhi antara 80%-85% daripada keperluan negara dan keperluan selebihnya akan diimport.

Bagi mencapai matlamat ini beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan.

Bagi tempoh jangka pendek, usaha-usaha telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk:-

1. Memberi khidmat nasihat kepada pesawah-pesawah dari segi cara penanaman dan pemeliharaan tanaman dengan tujuan meningkatkan hasil pengeluaran padi dan mengurangkan kerugian yang disebabkan oleh serangan makhluk perosak dan penyakit-penyakit.
2. Mengeluar dan membekal benih-benih padi yang bermutu tinggi dan tahan penyakit kepada petani-petani. Sebagai contoh, pesawah-pesawah terpilih akan membiak dan membekalkan benih-benih padi menerusi Skim Tanaman Padi di mana pengeluaran berkelompok dijalankan untuk pengeluaran biji benih.
3. Menjamin supaya subsidi baja padi yang diberikan kepada petani-petani yang mengusahakan sawah-sawah pada masa yang ditetapkan dan memberi khidmat nasihat kepada petani-petani supaya menggunakan jenis baja dan kuantiti yang disyorkan; dan
4. Mengadakan pengimportan beras dari luar negeri bagi menampung keperluan beras dalam negara berdasarkan kepada keperluan dan juga pengeluaran beras dalam negara setiap tahun.

Bagi perancangan jangka panjang, langkah-langkah yang akan diambil adalah seperti berikut:-

1. Pengeluaran padi akan dipertingkatkan melalui penyediaan dan peningkatan kemudahan parit dan taliair di kawasan-kawasan jelapang padi yang sedia ada dan lain-lain kawasan perairan yang mempunyai potensi untuk tanaman dua kali setahun dengan penggunaan benih yang berhasil tinggi dan amalan pertanian modern.
2. Pengurusan tanaman padi secara

estet atau berkelompok akan ditumpukan kepada kawasan-kawasan padi untuk meningkatkan kecekapan di dalam pengeluaran padi di samping mengurangkan kos pengeluaran.

3. Mengadakan sistem pengesanan dan ramalan untuk mengesan dan mengawasi serangan makhluk perosak di peringkat awal supaya kawalan dapat dijalankan serta merta dan mengelakkan penyebarannya dari kawasan yang diserangi ke kawasan lain.
4. Mengadakan kajian/penyelidikan padi untuk mengeluarkan jenis-jenis padi baru yang tahan penyakit/musuh-musuh dan berhasi yang tinggi.
5. Menambahkan kemudahan-kemudahan dan aktiviti-aktiviti pembiakan, pemerosesan dan pembahagian benih-benih padi yang bermutu tinggi.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, baru sebentar tadi kita dengar Menteri menyatakan untuk mengatasi dalam segi jangka pendek dan jangka panjang untuk menambahkan pengeluaran padi, tetapi yang timbul masalah sekarang ini, masalah itu tidak mengapalah kita dapat bantuan daripada pihak Kerajaan dan sebagainya. Sekarang ini masalah yang dihadapi oleh petani-petani ialah masalah penanam-penanam itu sendiri. Kita dapati lapisan muda ini tidak ada minatlah lagi untuk menceburkan diri dalam tanaman padi. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memberi perangsang kepada jenerasi muda ini supaya berminat dalam segi penanaman padi?

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, syor yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat itu sangat kita pentingkan oleh kerana padi ini satu komoditi yang agak strategik tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, tugas untuk mencenderungkan para pemudapemudi kita menjadi petani dan

penanam padi di kawasan pendalaman bukan hanya semata-mata tugas Kementerian Pertanian, bahkan bergantung sungguh atas semua perwakilan rakyat khususnya para Ahli-ahli Yang Berhormat, baik Dewan Negara, demikian pula di Dewan Rakyat.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu menurut keterangan, sebanyak 15% beras yang masih diimport untuk memenuhi keperluan negara. Berapa banyakkah jumlah wang yang mengalir keluar daripada 15% ini, berapa metrik tan beras yang kita import. Dan dari jumlah 15% ini tadi, jumlah wangnya, adakah wang ini dikatakan lebih feasible, dengan izin, boleh digunakan untuk membuka tanah-tanah yang terbiar di negara ini. Adakah Yang Berhormat timbalan Menteri menyimpan maklumat-maklumat iaitu berapa banyak tanah-tanah terbiar yang boleh dibuka menjadi sawah padi. Dan setahu saya, Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini banyak jenis beras yang sudah dicantumkan. Dicantumkan dari India, dari Jepun, jadilah beras 'Malinja'; iaitu Malaysia, India, Jepun. Sudah itu, ada lagi satu pula 'Mahsuri', mengambil sempena 'beras terbakar' di Pulau Langkawi, jadilah pakar-pakar kita buat jenis padi 'Mahsuri'. Tetapi yang mendukacitakannya sehingga tahun 1985 dijanjikan oleh Kerajaan kita bahawa kita akan mengeksport pula beras. Lagi beberapa bulan sahaja lagi kita akan menempoh tahun 1985 tetapi kita masih import 15% untuk memenuhi keperluan negara. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri selama ini telah membuat kajian untuk jangka panjang bahawa Malaysia ini tidak sepatutnya lagi mengimport beras kerana 99% orang Malaysia adalah orang yang pemakan besar yang terbesar di kawasan ini. Jadi, itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis atas angka-

angka yang dipohon oleh Ahli Yang Berhormat terhadap 15% kos beras yang kita import oleh kerana 15% ini amaunnya bukan sama tiap-tiap tahun oleh kerana ianya bergantung kepada bilangan masyarakat ataupun 'depends on the country's population, dengan izin.

Jadi, saya minta notis terhadap soalan itu. Dan soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi mengenai mengapa kita terpaksa mengimport 15% untuk memenuhi keperluan negara terhadap beras ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukan kita tidak dapat menanam padi cukup ataupun lebih daripada yang kita perlukan tetapi kita sudah membuat kajian terhadap kos pengeluarannya begitu tinggi dan untuk membelanjai banyak wang ringgit, lebih baik kita mengimport lebih murah. Oleh kerana itu Kerajaan telah membuat keputusan supaya kita hanya mempunyai 80% hingga 85% beras dan yang lebih itu kita harus import dari negara-negara jiran. Jadi, soalan Ahli Yang Berhormat mengenai tanah terbiar tadi, saya mohon supaya Yang Berhormat boleh sabar sedikit oleh kerana soalan itu terkandung dalam jawapan saya pada hari ini.

**Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Ahli Yang Berhormat Dewan Negara rasa dukacita jugalah di atas jawapan daripada Yang Berhormat mengatakan iaitu tugas-tugas ini ialah tugas kita bersama – itu memang benarlah. Cuma kami hendak bertanya, adakah cara yang begitu baik untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri membahagikan masalah petani-petani ini supaya mereka ini dengan minat lebih mendalam bagi menggalakkan mereka cara bertani, atau dengan mengadakan satu kursus di satu-satu tempat. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah cadangan Yang Berhormat itu dapat mengatasi supaya petani-petani ini lebih berminat di kalangan pertanian.

**Tuan Luhah Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil pertimbangan terhadap syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

### RUMAH KOS RENDAH

**10. Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa kebanyakan rumah-rumah kos rendah tidak dilengkapi dengan bilik mandi yang sempurna; jika ya, nyatakan tindakan yang telah diambil terhadap pemaju dan pegawai yang meluluskan plan tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan iaitu rumah kos rendah yang dilengkapi dengan bilik mandi yang tidak sempurna adalah merupakan subjektif di mana pembinaannya adalah perlu mengambil kira kos pembinaan. Konsep rumah kos rendah sendiri adalah bertujuan menyediakan kemudahan asas yang minima tanpa mengeneipkan keselisaan paling minima mengikut peraturan-peraturan pembinaan seperti yang termaktub dalam Akta dan peraturan yang berkenaan iaitu Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Pembangunan 1974.

Kementerian saya juga mendapati bahawa rumah-rumah murah yang dibina adalah dilengkapi dengan keperluan bilik air minima yang terdiri dari satu kolah air dan satu tandas.

Perlu juga diterangkan setiap tambahan kepada keperluan asas berkenaan akan menambahkan lagi kos pembinaan yang mana bertentangan dengan konsep pembinaan rumah kos rendah. Oleh itu, adalah menjadi harapan Kementerian saya supaya penghuni-penghuni rumah yang berkemampuan bolehlah melengkapkan bilik

mandi mereka dengan kemudahan-kemudahan lain seperti pancur air dan sebagainya.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rumah ini dikatakan rumah murah dan menurut soalan ini dikatakan pelan ini telahpun diluluskan oleh Penguasa-penguasa Tempatan yang berkenaan, adakah ini merupakan satu perbuatan yang sengaja dibuat oleh pemaju perumahan itu kerana tidak menunjukkan adanya bilik mandi dan bila rumah ini siap pemaju perumahan ini akan menuntut variation order. Dengan tidak secara langsung mereka dapat menambahkan sedikit harga kos pembinaan ini, jadi ini yang kadangkala berlaku. Satu daripadanya pelan telah diluluskan oleh Penguasa-penguasa Tempatan ataupun Jawatankuasa Perancangan Bandar yang bertanggungjawab dalam pelan ini tadi dan mereka sepatutnya mengambil kira bahawa pihak pemaju memang sengaja mencari kesilapan-kesilapan ini. Jadi, yang akhirnya yang kena membayar lebih ialah si pembeli rumah tadi daripada variation order, dengan izin, yang akan dituntut oleh pemaju tadi.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap pembeli rumah adalah menandatangani satu surat perjanjian jual beli yang seragam dan mengikut surat jual beli itu kalau pemaju tidak membina rumah dengan apa yang diluluskan oleh Penguasa-penguasa Tempatan, mereka bolehlah melaporkan perkara ini kepada Penguasa-penguasa Tempatan dan juga kepada Kementerian saya sendiri dan kita sentiasa sedia mengambil tindakan. Selain dari itu pembeli-pembeli juga di mana kalau terdapat penyelewengan daripada apa yang diluluskan oleh Penguasa-penguasa Tempatan berhak untuk mengambil tindakan civil kalau pemaju itu pemaju swasta.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Soalan tambahan. Soalan perumahan ini, Tuan Yang di-Pertua, memang soal rumit dan kepada

Kerajaan mengadakan rumah murah. Oleh itu, dalam keadaan rumah murah ini kita berharap Kerajaan supaya dapat janganlah rumah murah itu melepaskan batuk di tangga sahaja. Adakah tidak pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di masa yang akan datang supaya rumah-rumah murah ini disediakan lebih baik sedikit.

Sebagaimana yang dinyatakan tadi umpama longkang tidak ada, jambannya tidak sempurna, begitu juga tentang tingkap-tingkapnya hanya ditaruhkan gelas sahaja tanpa ada pengadang besi jaring. Apabila penghuni-penghuni datang menduduki rumah ini terpaksa mereka juga mengeluarkan duit \$4,000, \$5,000 dan \$6,000, bukan jadi rumah murah lagi. Oleh itu, dalam keadaan ini juga pihak penghuni terpaksa meminta permohonan daripada pihak Kerajaan Negeri dan Pusat untuk meminta membuatkan kebaikan ini, kadangkala menunggu masa yang lama, kalau dibuat sendiri kena denda dan sebagainya. Oleh itu, saya mengharapkan kepada pihak Kementerian bagaimanakah keadaan ini dapat diperbaiki di masa yang akan datang.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat telahpun membangkitkan perkara-perkara sedemikian apabila membahaskan Belanjawan 1985 dan semalam saya telahpun memberikan penjelasan-penjelasan tentang perkara ini tetapi dukacitalah Ahli Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan apabila saya menjawab.

Walau bagaimanapun, sukalah saya menerangkan bahawa kos rumah awam kos rendah adalah dua ketogeri iaitu, satu yang dibina oleh Kerajaan sendiri dan satu lagi ialah kategori yang dibina oleh pihak swasta.

Bagi kategori yang dibina oleh pihak Kerajaan, kalau rumah itu tidak dibina mengikut pelan-pelan yang diluluskan bakal penghuni-penghuni apabila mendudukinya bolehlah melaporkn

kepada Penguasa-penguasa Tempatan dalam satu jangka masa yang ditetapkan dan pihak Penguasa-penguasa Tempatan boleh mengarahkan kontraktor-kontraktor yang berjaya untuk membina rumah-rumah itu untuk memperbaiki keadaan-keadaan yang terdapat. Tetapi dari segi kemudahan-kemudahan yang lebih baik ini adalah satu perkara yang sentiasa menjadi rumit kepada Kementerian sendiri oleh kerana kalau kita ingin menambahkan mutu dan kualiti rumah kos rendah itu kos pembinaan pula bertambah.

Tentang rumah kos rendah yang dibina oleh pihak swasta, seperti yang saya telah terangkan pelan-pelan yang dilulus perlu dipatuhi dan Kementerian saya telah menetapkan had-had minima yang perlu diikuti walaupun rumah itu dibina oleh pihak swasta, umpamanya tidak kurang 600 kaki lantainya dan sebagainya. Ini perlu diikuti oleh pihak swasta dan kalau tidak diikuti oleh kontraktor penghuni-penghuni ada jalan untuk mengatasi masalah ini iaitu satu melalui Kementerian kita dan yang kedua melalui tindakan sivil.

#### CUKAI PELEPASAN UNTUK ANAK-ANAK

**11. Tuan Haji Latip bin Haji Dris** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan pelepasan cukai pendapatan bagi anak-anak pertama dan kedua diberi pelepasan yang sama dengan anak-anak ketiga, keempat dan kelima iaitu \$800 seorang, memandangkan layanan yang diberikan kepada anak yang pertama dan kedua adalah sama dengan anak-anak yang lain.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr. Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, kadar pelepasan cukai untuk anak telahpun diubah seperti diumumkan dalam Belanjawan 1985 baharu-baharu ini. Pelepasan baharu ini adalah dalam bentuk secara menaik iaitu \$650 bagi anak pertama, \$750 bagi anak kedua dan \$800 bagi setiap anak ketiga,

keempat dan kelima. Bentuk pelepasan baharu ini akan meringankan beban bagi mereka yang mempunyai anak yang ramai dan dengan itu adalah diharap ianya akan dapat membantu mencapai hasrat Kerajaan untuk meningkatkan jumlah penduduk Malaysia kepada 70 juta orang.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membuat pelepasan sebanyak 5 orang anak iaitu jumlahnya ialah sebanyak \$3,800 sahaja daripada \$3,000. Jadi, bagaimana halnya kalau seseorang mempunyai dua isteri dan mempunyai 8 orang anak, jadi isteri yang pertama ada 4 orang anak dan isteri yang kedua ada 4 orang anak, yang mana satu pelepasan cukai yang mesti mahu dikenakan? *(Ketawa)*

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Tuan Yang di-Pertua, adalah, kalau masalah timbul begini dan juga jikalau orang itu ada berpendapatan bulan yang lebih dari \$10,800, maka apabila beliau mengisikan Income Tax Returns itu Jabatan Hasil Dalam Negeri ada profesional yang cekap sangat untuk mendapatkan satu jalan untuk mengkaji dan juga memberikan keputusan yang adil sekali. Tetapi jikalau apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi orang ini yang berpendapatan tahunan tidak lebih – tadi saya sudah salah sedikit, saya katakan bulan tetapi annual income tidak lebih \$10,800 – tidak ada masalah langsung.

**Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang pengecualian cukai berdasarkan kepada bilangan anak. Adakah ini bermakna bahawa pihak Kementerian menekankan pengecualian ini berdasarkan kepada dasar untuk meramaikan penduduk di negara kita ini ataupun berdasarkan kepada mengimbangkan beban cukai yang sewajarnya ditanggung oleh satu keluarga berdasarkan kepada taraf sosio-ekonomi keluarga tersebut.

**Dato' Dr. Tan Tiong Hong:** Tuan

Yang di-Pertua, struktur cukai pendapatan yang baru ini adalah juga telah mengambil kira berkenaan mengurangkan kesusahan untuk satu-satu keluarga yang besar dan barangkali juga yang miskin. Tetapi sepertimana saya menjelaskan tadi, jikalau pendapatan keluarga itu setahun tidak lebih \$10,800; mengikut peruntukan-peruntukan di mana beliau boleh meminta relief melalui personal relief, relief untuk isteri dan relief untuk anak-anak, beliau tidak perlu membayar cukai, tetapi jikalau pendapatan beliau lebih dari \$10,800 setahun dan ada 5 orang anak, kadar baru ini akan memberikan pertolongan dan pada pendapat Kementerian saya memberikan faedah yang banyak kepada keluarga ini.

#### KERETA KEBAL JENIS 'SCORPION'

**12. Tuan Alexander Y. L. Lee** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada benar bahawa kereta-kereta kebal jenis 'Scorpion' yang dibeli oleh pasukan bersenjata tidak sesuai digunakan di Malaysia; jika ya, bolehkah beliau menerangkan sama ada kereta-kereta kebal ini telah dibenarkan untuk dipakai dan masih digunakan.

**Datuk Dr. James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, adalah tidak benar bahawa kereta kebal jenis 'Scorpion' yang telah dibeli oleh Tentera Darat tidak sesuai digunakan di Malaysia.

Sebelum kereta kebal tersebut dibeli, ujinilai yang pesat dan mendalam telah dijalankan selama 3 bulan di Malaysia dari bulan April hingga bulan Julai 1978. Ujian yang dikelolakan di Malaysia telah dilaksanakan dari segi teknikal dan juga dari segi keperluan penggunaannya. Beberapa ujian medan juga dilaksanakan termasuk ujian pergerakan jalan jauh, ujian tembakan semua alat senjata yang ada pada kereta kebal tersebut, pergerakan ke atas tanah beralun, kawasan pasir, lumpur, sawah serta melintasi halangan dan pergerakan merentas desa. Kereta kebal

'Scorpion' lulus semua ujianilai medan. Dari segi ujian-ujian teknikal yang dilaksanakan, pihak penilai tidak menjumpai sebarang kecacatan atau perkara yang tidak memuaskan.

Ujian-ujian yang sama juga telah dilaksanakan ke atas kereta kebal 'Scorpion' ini di United Kingdom sebagai salah satu syarat dalam kontrak dan ujianilai ini menunjukkan, telah membuktikan, yang kereta kebal ini dalam keadaan yang memuaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua kereta kebal yang diterima terlebih dahulu dikehendaki menjalani ujian tembakan dan pemeriksaan teknikal yang teliti; dan sebagaimana syarat dalam kontrak, sekiranya ada sebarang kerosakan, kecacatan akan diperbaiki oleh pihak pembekal.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, dari negara manakah kereta kebal jenis 'Scorpion' ini dibeli? Itu yang pertama.

Yang kedua, ujian-ujian yang telah dibuat terhadap jenis kereta kebal ini, ujian tembak menembak sahaja, ujian langgar melanggar sungai sahaja yang telah dibuat di negara kita ini ataupun sungai-sungai di negara di mana 'Scorpion' ini dibuat dan adakah pernah kereta kebal jenis 'Scorpion' ini bertempur dalam Peperangan Dunia Pertama, Kedua dan sebagainya? Itu sahaja, terima kasih.

**Datuk Dr. James P. Ongkili:** Kereta kebal 'Scorpion' ini dibeli dari United Kingdom dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, sekarang kita mempunyai sebanyak 51 unit 'Scorpion' di negara kita. Kebanyakannya sudahpun diuji seperti yang saya katakan di dalam jawapan saya tadi, dan sudah banyak yang telah dihantarkan ke Kem Paradise di Sabah kerana di Semenanjung kita tidak mempunyai kawasan yang begitu sesuai untuk

menguji, sekian masa. Tempat-tempat menguji dan ujian-ujian adalah seperti yang saya katakan tadi bukan sahaja teknikal tetapi ujian medan (field trial); dan oleh sebab mujurlah kita belum lagi menghadapi suatu peperangan, maka kita belum lagi dapat uji (test) betul-betul keupayaannya.

Mengenai sama ada 'Scorpion' ini digunakan dalam Perang Dunia Kedua atau Perang Dunia Pertama, saya dilahirkan waktu hampir Perang Dunia Kedua, jadi saya minta notis. (*Ketawa*)

### PROJEK PEMBANGUNAN KEMUDAHAN SUKAN – PEMBEKUAN

**13. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sama ada Kementeriannya mempunyai cadangan untuk mengkaji semula pembekuan peruntukan bagi projek-projek Pembangunan Kemudahan Sukan di pekan-pekan kecil di luar bandar yang telah diadakan beberapa tahun yang lalu; dan
- (b) langkah-langkah positif yang diambil oleh Kementerian bagi mengadakan dengan lebih banyak lagi padang-padang permainan dan kemudahan-kemudahan bersukan bagi belia-belia luar bandar.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sememangnya mempunyai cadangan untuk mengkaji semula pembekuan peruntukan bagi projek-projek Pembangunan Kemudahan Sukan di bandar-bandar kecil yang telah diadakan beberapa tahun lalu.

Kajian semula perlu dilakukan memandangkan bahawa sungguhpun sebanyak \$33.03 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat

tetapi sebahagian besar peruntukan itu telah dibekukan kerana kemerosotan ekonomi. Oleh itu banyak projek-projek Pembangunan Kemudahan Sukan di bandar-bandar kecil yang telah dirancangkan tidak dapat dilaksanakan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengambil langkah-langkah bagi menyediakan kemudahan-kemudahan sukan, khususnya di kawasan luar bandar. Sebagai contoh, dari peruntukan pembangunan yang telah dibelanjakan, sebanyak \$5,381,877 telah dibelanjakan untuk rancangan projek Kemudahan Sukan di luar bandar.

Kementerian ini telah bekerjasama dengan badan-badan sukan untuk menyiapkan 226 projek Kemudahan Sukan di bandar-bandar kecil di seluruh negara. Kementerian ini sedang mencuba untuk mendapatkan kembali peruntukan sukan yang telah dibekukan sebanyak \$27.6 juta bagi meneruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan sukan di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

#### DASAR PANDANG KE TIMUR – PENGHANTARAN PELAJAR

**14. Puan Hajjah Hafsa binti Othman** minta Perdana Menteri menyatakan semenjak Dasar Pandang ke Timur diperkenalkan, berapa ramaikah pelajar-pelajar kita yang dihantar ke negara Jepun dan Korea, dan nyatakan:-

- (a) bidang-bidang kursus/pengajian yang dipelajari di sana;
- (b) kos perbelanjaan yang dibiayai oleh pihak Kerajaan untuk setiap peserta/pelajar dari mula-mula mengikuti bidang berkenaan sehingga tamat tempoh kursus/pengajian; dan
- (c) berapa ramaikah yang telah tamat pengajian mengikut bidang masing-masing; dan berapa ramai lagi yang dianggarkan akan dihantar pada tahun 1985.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, semenjak Dasar Pandang ke Timur dilancarkan, seramai 131 orang pelajar-pelajar Malaysia telah dihantar ke negeri Jepun dan Republik Korea melalui dua program latihan, iaitu Program Latihan Pengajian Akademik di universiti dan Program Pengajian Teknikal di Kolej Teknik.

- (a) Bidang-bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar-pelajar Malaysia di bawah Program Pengajian Akademik adalah bidang Kejuruteraan, Sains Sosial, Sains Komputer, Sains dan Perikanan, sementara di bawah Program Pengajian Teknikal kesemuanya dalam bidang Kejuruteraan.
- (b) Mengenai kos perbelanjaan untuk seseorang penuntut di Jepun dan Korea, inginlah saya memaklumkan bahawa kursus ini baru bermula lebih kurang setahun dan jumlah yuran-yuran yang dikenakan juga bertukar-tukar, dan oleh sebab itu untuk hendak memastikan dengan tepat jumlah pembiayaan yang diperlukan untuk seseorang penuntut bagi pengajian selama 6 tahun itu, maka perlulah diberitahu kemudian. Namun demikian, inginlah saya menyatakan bahawa jumlah perbelanjaan itu tidak akan lari jauh dari angka-angka yang diperlukan untuk menghantar seseorang penuntut ke Eropah ataupun ke Amerika Syarikat.
- (c) Setakat ini belum ada lagi pelajar-pelajar Malaysia yang menamatkan pelajaran mereka di Jepun dan Republik Korea kerana program pengajian akademik di Jepun dan juga Dasar Pandang ke Timur bermula pada tahun 1982, dan program pengajian teknikal dimula pada tahun 1983. Program pengajian akademik di Korea bermula pada tahun 1983 dan

program pengajian teknikal di Korea itu pula pada tahun 1984.

Untuk tahun 1985, Kerajaan Malaysia bercadang untuk menghantar seramai 111 orang pelajar-pelajar ke Jepun dan Republik Korea di bawah kedua-dua program tersebut.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejak kita menghalangkan dasar kita pandang ke Timur dan kita telah ramai menghantar bilangan pelajar-pelajar dan penuntut-penuntut kita di antara dua negara iaitu Jepun dan Korea, maka dengan itu timbullah pengiktirafan di antara universiti-universiti dan maktab-maktab kedua-dua negara tadi. Berapa buahkah universiti-universiti di Jepun dan maktab-maktab di Jepun, di Korea yang telah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia pada hari ini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soal pengiktirafan universiti-universiti atau kolej-kolej di luar negeri adalah satu exercise yang berterusan dan setakat ini semua universiti dan kolej yang kita menghantar penuntut-penuntut kita itu adalah diiktiraf oleh Kerajaan kita.

#### JABATAN TELEKOM – PENSWASTAAN

**15. Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada benar bahawa Jabatan Telekom hendak diswastakan dan jika benar bila, dan jika diswastakan nyatakan sama ada tenaga pekerja yang sedia ada akan diambil bersama atau tidak.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa adalah benar bahawa Kerajaan berhasrat untuk menswastakan pengendalian perkhidmatan yang sekarang ini dipertanggungjawabkan kepada Jabatan

Telekom. Penswastaan yang dimaksudkan ini berkemungkinannya di dalam bentuk pengambilan alih pengendalian dan tanggungjawab ke atas pengurusan perkhidmatan telekomunikasi negara daripada Jabatan Telekom oleh sebuah syarikat yang pada peringkat permulaannya dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan. Meskipun ianya merupakan milik Kerajaan, segala pengurusan akan dijalankan secara disiplin syarikat.

Kerajaan pada mulanya bercadang akan melaksanakan dasar ini pada awal tahun 1985 tetapi disebabkan oleh beberapa perkara yang masih memerlukan kajian dan perancangan yang terperinci dan teliti, tarikh sebenar pengambilan alih tanggungjawab ini belum lagi dapat ditetapkan dengan tepat. Sememangnya adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya syarikat ini akan terus menggunakan pekerja-pekerja Jabatan Telekom yang sedia ada untuk berkhidmat dengannya. Selaras dengan hasrat ini, salah satu daripada perkara-perkara yang masih memerlukan kajian yang lebih terperinci dan mendalam ialah berhubung dengan peraturan-peraturan bagi membolehkan pekerja-pekerja yang sedang bertugas dengan Jabatan Telekom meneruskan tugasnya dengan syarikat yang akan ditubuhkan itu.

#### KEMAS – JAWATAN PENYELIA KANAN/KAWASAN

**16. Tuan Salleh bin Kassim** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang untuk mengisi kekosongan jawatan Penyelia Kanan, Penyelia-penyelia Kemas Kawasan; jika ya bila.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohamad Yahya bin Lampong):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memang bercadang untuk mengisi kekosongan jawatan Penyelia Kanan, Penyelia Kawasan KEMAS.

Kelambatan pengisian ini ialah ekoran dari pembekuan jawatan-jawatan Kerajaan disebabkan oleh keadaan ekonomi negara. Adalah diharapkan pengisian jawatan ini dapat dilaksanakan pada tahun 1985 apabila pembekuan pengisian jawatan dilonggarkan.

### BAHASA IBUNDA (POL) DI KELAS KBSR

**17. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Pelajaran menyatakan persediaan yang telah dibuat setakat ini untuk mengajar Bahasa Ibunda (POL) bagi kelas-kelas KBSR Tahun Ketiga di sekolah-sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan (SK dan SRK) mulai tahun 1985; dan nyatakan sama ada pengajaran Bahasa Ibunda (POL) akan dimasukkan ke dalam jadual waktu dan diajar di sekolah. Jika tidak, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengajar Bahasa Ibunda semasa waktu sekolah dan bukannya semasa hujung minggu dan selepas sekolah.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, persediaan yang telah dibuat untuk mengajar bahasa ibunda (POL) bagi kelas-kelas KBSR tahun 1983 di Sekolah-sekolah Kebangsaan dan Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan mulai tahun 1985 adalah seperti berikut:-

1. menyiapkan sukatan pelajaran;
2. menyiapkan panduan Guru;
3. melatih kakitangan Guru;
4. melatih Guru-guru;
5. memberi panduan kepada Jabatan Pelajaran Negeri dan Guru-guru Besar.

Kelas POL boleh dimasukkan dalam jadual waktu jika terdapat bilangan kelas dan masa yang sesuai di sekolah-sekolah berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab*

*Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.18 hingga 28 adalah diberi di bawah ini).*

### GURU-GURU MELETAKKAN JAWATAN

**18. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian mengeluarkan surat rasmi lepas jawatan kepada guru-guru yang meletak jawatan secara sukarela; jika tiada mengapa.

**Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Kementerian Pelajaran tidak mengeluarkan surat rasmi melepaskan jawatan kepada guru-guru yang meletakkan jawatan secara sukarela, kecuali surat itu diminta oleh guru yang berkenaan untuk urusan tertentu. Surat itu tidak dikeluarkan oleh kerana perletakan jawatan adalah merupakan hak seseorang guru seperti yang tersebut di dalam surat tawaran jawatan.

### IMBANGAN PERDAGANGAN DENGAN NEGARA MAJU

**19. Datuk Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap saranan Perdana Menteri baru-baru ini mengenai imbalan perdagangan yang tidak seimbang di antara Malaysia dengan negara-negara maju yang banyak merugikan Malaysia.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Pihak Kerajaan khususnya Kementerian saya telah dan akan terus berusaha untuk mendapatkan imbalan perdagangan keseluruhannya yang lebih baik bagi Malaysia. Kerajaan juga menyedari bahawa pada masa ini Malaysia mengalami defisit perdagangan dengan beberapa negara maju. Keadaan ini tidak semestinya dilihat sebagai satu perkembangan yang buruk. Malahan apa yang lebih penting adalah prestasi imbalan perdagangan luar Malaysia

pada keseluruhannya, bukan imbalan secara individu dengan negara-negara tertentu. Di sini ingin saya menyatakan bahawa melalui perangkaan interim, menunjukkan Malaysia telah memperoleh lebih perdagangan sebanyak \$3,251.1 juta dalam tempoh 8 bulan pertama 1984 berbanding dengan lebih perdagangan sebanyak \$576.4 juta dalam tempoh yang sama tahun 1983.

Dalam hal ini perlu juga diambil perhatian bahawa defisit perdagangan dengan sebahagian rakan perdagangan kita merupakan sesuatu yang biasa dalam perdagangan antarabangsa dan tidak semestinya dilihat sebagai suatu perkembangan yang membimbangkan. Umpamanya kekurangan perdagangan dengan negara Jepun adalah disebabkan Malaysia sedang pesat dalam proses pembangunan yang perlu mengimport alat-alat jentera dan perhubungan, bahan-bahan binaan serta jentera untuk perkilangan dan pertanian. Begitu juga kita banyak mengimport bahan-bahan makanan seperti gandum, gula dan bahan-bahan tenusu daripada Australia yang merupakan pembekal barang-barang pertanian yang cekap. Pembelian daripada sumber-sumber yang tercekap adalah penting untuk menentukan bahawa barangan yang diimport mempunyai harga dan mutu yang memuaskan.

Sukacita saya menyatakan iaitu Kerajaan telah mengatur beberapa langkah untuk membaiki keadaan secara keseluruhannya serta untuk memperimbangan kedudukan imbalan perdagangan dengan negara-negara maju tertentu yang mana imbalan perdagangan menguntungkan negara-negara berkenaan. Di antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) menimbangkan untuk mendapatkan bekalan negara daripada sumber-sumber lain yang cekap mengeluarkan barang-barang yang dikehendaki.

- (ii) menggalakkan eksport barang-barang keluaran Malaysia terutamanya barang-barang perkilangan. Pejabat-pejabat Perdagangan Malaysia di luar negeri diarah mengenalpasti pasaran untuk barang-barang keluaran Malaysia.
- (iii) menghantar rombongan perdagangan dan menyertai pameran perdagangan di pasaran tertentu di luar negeri.
- (iv) menyertai di dalam rundingan dan persidangan anjuran agensi-agensi ekonomi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang berusaha untuk mewujudkan suasana yang sesuai bagi meningkatkan perdagangan antara-bangsa; dan
- (v) memperkenalkan cara peningkatan eksport melalui Countertrade terutamanya dengan negara-negara yang menghadapi masalah pertukaran matawang asing.

Saya percaya melalui langkah-langkah ini eksport kita dapat ditingkatkan dan kedudukan imbalan perdagangan Malaysia dengan negara-negara di mana kita mengalami defisit dapat diperbaiki.

## PENGELUARAN BERAS NEGARA

**20. Tuan Tan Chang Soong** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada pihak Kerajaan masih mengikat kepada dasar sara diri yang bercukupan (self-sufficiency) dalam pengeluaran beras; jika tidak, mengapa.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Dasar Pertanian Negara menetapkan bahawa pengeluaran beras dalam negara adalah bagi memenuhi antara 80%–85% daripada keperluan negara dan keperluan selebihnya akan diimport. Penentuan peratusan ini dipengaruhi oleh keperluan keselamatan makanan memandangkan beras merupakan komoditi yang strategik kepada negara. Adalah tidak

wajar bagi Malaysia mengeluarkan 100% keperluan beras negara memandangkan ianya tidak ekonomik kerana kos pengeluaran yang tinggi berbanding dengan beras yang diimport.

### RINGGIT MALAYSIA

**21. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan dan kekuatan ringgit Malaysia sekarang ini dan mengapa nilai ringgit kita terjejas baru-baru ini dan nyatakan tindakan beliau akan ambil untuk menjamin kestabilannya.

**Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin):** Soalan ini telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 7hb. Dis., 1984 yang lalu.

### IMPORT BUAH-BUAHAN LUAR NEGERI

**22. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar** minta Menteri Pertanian menyatakan dasar melindungi hasil-hasil tani di negara ini sudah demikian longgar sehingga pasaran tempatan telah dibanjiri dengan hebatnya oleh buah-buahan import terutama dari negara jiran di Utara Semenanjung.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Pengimportan buah-buahan dari luar negeri biasanya sangat bergantung kepada keadaan keperluan permintaan dan citarasa pengguna tempatan yang terdiri daripada semua golongan dan peringkat. Sebagai contohnya, bagi jenis buah-buahan iklim sederhana (temperate) seperti limau oren, longar dan sebagainya, permintaan yang banyak selalunya berlaku pada musim-musim perayaan terutamanya di sekitar kawasan bandar-bandar besar.

Bagi jenis buah-buahan tropikal seperti durian, mangga, rambutan, mata kucing dan lain-lain, pengimportan buah-buahan ini adalah lebih dipengaruhi oleh keadaan mekanisme pasaran. Pada masa-masa yang tertentu, harga buah-buahan tempatan ini

agak mahal kerana bekalan buah-buahan tempatan tidak dapat memenuhi permintaan yang bertambah pada masa itu. Oleh itu dengan kemasukan buah-buahan ini dari luar negeri, ianya dapat menampung kekurangan jumlah penawaran buah-buahan yang dikeluarkan di dalam negara kita pada masa tersebut.

Sebagai langkah untuk menjamin bahawa bekalan buah-buahan tempatan ini bertambah pada masa hadapan, dasar Kerajaan kini menggalakkan pengeluaran buah-buahan tempatan secara besar-besaran untuk memenuhi kegunaan di dalam negeri dan untuk tujuan eksport. Bagi melindungi industri buah-buahan tempatan, Kerajaan sentiasa mengadakan pengawalan yang ketat ke atas import buah-buahan ini dengan mengenakan tarif ke atas buah-buahan yang diimport.

### SISTEM MUASSASAH JEMAAH HAJI MALAYSIA

**23. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Sistem Muassasah yang baru dijalankan oleh pihak Saudi Arabia pada tahun ini hanya dikenakan kepada Jemaah-jemaah Haji Malaysia sahaja atau kepada semua jemaah.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Kerajaan Arab Saudi bertujuan mengenakan Sistem Muassasah terhadap semua Jemaah Haji yang datang menunaikan fardu Haji ke Tanah Suci.

### SUPERMARKET MENJEJASKAN MINI MARKET

**24. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar Supermarket dari syarikat asing yang terdapat dalam negara kita ini menjejaskan perniagaan Mini Market di negara kita ini.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Konsep Supermarket telah lama diterima sebagai satu cara perniagaan runcit yang sangat ekonomikal dan menguntungkan di negara-negara maju. Sebaliknya konsep supermarket di negara ini adalah baru.

Dengan demikian tidaklah begitu menghairankan bagi syarikat-syarikat asing yang telah lama berkecimpung dalam perniagaan supermarket juga ingin memulakan perniagaan begini di negara ini.

Kita tidak harus menganggap syarikat-syarikat asing sebagai satu ancaman kepada cara kita menjalankan perniagaan. Sebaliknya, kita harus mempelajari daripada syarikat-syarikat asing ini dan seterusnya menubuhkan supermarket sendiri atau berusaha sama dengan syarikat-syarikat asing menubuhkan supermarket.

#### **PENAGIH DADAH BAGI MURID-MURID SEKOLAH**

**25. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyakkah masa dan wang diperuntukkan bagi pendidikan berkenaan keburukan penagihan dadah dan lain-lain penagihan di kalangan murid-murid sekolah rendah dan menengah memandangkan betapa pentingnya bidang ini sebagai satu langkah mengelakkan orang-orang muda daripada mudah diperangkap oleh penagihan.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kementerian Pelajaran sedar tentang akibat buruk yang timbul daripada penagihan dadah, oleh kerana itu ia memberi perhatian berat dan menjalankan usaha-usaha untuk menyedarkan murid-murid akan bahaya ini. Di antara strategi-strategi yang telah diatur untuk mengatasi masalah ini ialah:-

(i) Pengajaran dan pembelajaran

matapelajaran Pendidikan Kesihatan, Sivik, Agama Islam, Sains, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan lain-lain di mana beberapa topik dan aspek pendidikan mengenai bahaya dadah disisip untuk memberi kesedaran tersebut.

- (ii) Melalui kegiatan ko-kurikulum, iaitu dengan menanamkan nilai-nilai dan sikap positif, pembinaan sahsiah, pembinaan dan pengkayaan bakat, minat dan kebolehan dan mengisi masa lapang yang berfaedah.
- (iii) Melalui aktiviti-aktiviti khusus seperti kem jayadiri, khemah kerjaya, kursus, ceramah-ceramah, pameran-pameran, peraduan mengarang essei anti-dadah, peraduan melukis poster anti-dadah dan lain-lain.

Jumlah masa yang diperuntukkan kepada pendidikan berkenaan keburukan penagihan dadah tidaklah dapat ditentukan dengan tepat kerana ianya berjalan berterusan sepanjang tahun.

Anggaran kos membiayai program ini ialah kira-kira \$100,000 setahun.

#### **JENAYAH OLEH BURUH ASING**

**26. Tuan Kee Yong Wee** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan angka-angka mengenai kes-kes jenayah yang dilakukan oleh buruh-buruh asing dalam tahun 1981, 1982, 1983 dan 1984 (hingga bulan Ogos) dan bilangan mereka yang dibawa ke mahkamah.

**Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam):** Untuk makluman Yang Berhormat, perangkaan mengenai kes-kes jenayah yang disyaki dilakukan oleh buruh-buruh asing di seluruh Malaysia sejak tahun 1981 hingga bulan Ogos, 1984 dan bilangan mereka yang didakwa di mahkamah adalah seperti berikut:-

Tahun	Bil. Kes Jenayah	Jumlah Tangkapan	Jumlah Didakwa
1981	349	571	327
1982	468	656	406
1983	775	1,177	474
1984 (hingga Ogos)	576	997	332
Jumlah	2,168	3,401	1,539

## PEGAWAI PENGUATKUASA ANTI DADAH

**27. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pegawai-pegawai penguatkuasa Anti Dadah yang telah curang menjalankan tugasnya dan juga tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang boleh dianggap sebagai pengkhianat dan mengancam keselamatan negara ini.

**Dato Musa Hitam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari tahun 1980 sehingga 21hb. November, 1984, terdapat seramai 7 orang anggota Polis yang telah ditangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Dari jumlah tersebut, seramai 5 orang ditangkap di bawah seksyen 39B dan seramai 2 orang ditangkap di bawah seksyen 39A. Tiga dari 5 orang yang dituduh di bawah seksyen 39B telah disabitkan kesalahan mereka dan dikenakan hukuman penjara seumur hidup dan rotan. Kes-kes ini adalah berlaku pada tahun 1980 dan 1981, iaitu, sebelum hukuman gantung yang wajib, dikuatkuasakan. Sementara itu, 2 orang yang lain masih menunggu perbicaraan.

Bagi kes di bawah seksyen 39A, seorang dari mereka telah disabitkan kesalahan dan dipenjara selama 3 tahun dan dikenakan sebat sebanyak 6 kali. Beliau telahpun dibuang kerja. Seorang yang lain masih menunggu perbicaraan.

## PELAMPAU AGAMA - KEGIATAN

**28. Tuan Haji Mohamed bin Yahya** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pelampau-pelampau Agama yang menyebabkan perpecahan

perpaduan bangsa Melayu dan jika sedar nyatakan ramaikah orang yang terlibat dan apakah tindakan Kerajaan selanjutnya selain dari Kertas Putih yang telah dibentangkan di Parlimen baru-baru ini.

**Dato Musa Hitam:** Kerajaan memang sedar adanya golongan-golongan pelampau agama yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh membawa perpecahan kepada perpaduan bangsa Melayu dan Agama Islam. Oleh itu, Kerajaan sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan seperti itu dan jika sekiranya kegiatan-kegiatan tersebut boleh menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara Kerajaan akan bertindak tegas menurut peraturan-peraturan dan undang-undang yang ada.

## RANG UNDANG-UNDANG RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (12hb Disember, 1984)

**Tuan Yang di-Pertua:** Jemput Kementerian Penerangan.

3.36 ptg.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya. Dua orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal-soal yang memerlukan jawapan khusus.

Yang Berhormat Senator Haji Shaharom bin Maasom telah menimbulkan beberapa perkara di antaranya ialah mengenai Pegawai-pegawai Luar Penerangan yang baru dan muda yang dilahir selepas merdeka di mana keberkesanan menyampai penerangan kepada orang ramai diragukan terutamanya berkenaan dengan isu mengkafir. Beliau menyatakan bahawa Pegawai-pegawai Luar Penerangan sekarang cuma menjadi pengerusi hari sivik ataupun perhimpunan sivik dan sebagainya sedangkan tugas mereka ialah penyampaian penerangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah dinyatakan bahawa fungsi Kementerian Penerangan dan Jabatan-jabatan di bawahnya ialah sebagai penyokong di dalam usaha-usaha membangunkan negara atau perhubungan yang membantu pembangunan. Fungsi Kementerian ini berkait rapat dengan fungsi dan tugas lain-lain Kementerian dan agensi Kerajaan. Pendek kata tugas Pegawai-pegawai Penerangan Luar antara lain ialah membantu dan membolehkan pihak-pihak yang arif menyampaikan huraian masing-masing di samping memastikan agar huraian penting disalur kepada orang ramai melalui media massa. Kementerian Penerangan menyampai serta menterjemah fungsi-fungsi tersebut dalam bentuk yang konkrit dan mudah difahami kepada seluruh tanahair melalui media elektronik seperti radio dan televisyen, media filem dan komunikasi bersemuka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memerangi dakyah-dakyah dan tuduhan-tuduhan melulu terhadap Kerajaan oleh Parti Pembangkang,

Kementerian Penerangan juga merangka dan mewujudkan beberapa program keagamaan yang bersesuaian dengan suasana yang terdapat pada masa ini. Program-program tersebut berbentuk tafsiran Al-Quran, forum, ceramah, huraian hadis dan penyebaran risalah-risalah dan ucapan-ucapan pemimpin negara dan tokoh-tokoh agama.

Dalam rancangan forum dan ceramah melalui TV, radio dan kursus sivik umpamanya, kita menjemput pakar-pakar akademik dan alim ulama untuk mengupas, menghurai dan menceritakan isi kandungan dan pandangan Islam terhadap sesuatu isu yang timbul seperti perpecahan ummah dan sebagainya.

Pada keseluruhannya sambutan dan kesan terhadap program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Penerangan adalah memuaskan. Dari maklum balas yang diterima adalah didapati program-program tersebut amat sesuai dengan suasana yang wujud sekarang. Di samping itu, Kementerian Penerangan juga sentiasa memberi perhatian terhadap kritik-kritik dan pandangan-pandangan yang membina. Sekiranya munasabah dan berpatutan, pihak Kementerian akan melayaninya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Rancangan-rancangan Agama Islam yang disiarkan oleh RTM seperti Sinar Islam, sukalah saya memberitahu Yang Berhormat Senator bahawa rancangan-rancangan itu sentiasa dikaji dari masa ke semasa dengan tujuan untuk meningkatkan mutunya menjadikannya lebih menarik dan senang difahami. Cadangan daripada Yang Berhormat Senator adalah diambil ingatan.

Ingin saya mengambil kesempatan ini untuk menyarankan bahawa tugas RTM bukanlah untuk mengeliru, mengabui dan merabuni mata rakyat, malah sentiasa berusaha untuk menghurai kekusutan fahaman dan pemikiran rakyat khususnya orang-orang

Islam terhadap akidah dan kefahaman mereka mengenai Islam.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat supaya waktu siaran Laporan Parlimen dipanjangkan, buat masa ini Kementerian merasakan bahawa waktu yang diperuntukkan bagi Laporan Parlimen adalah mencukupi. Selain dari liputan untuk perkara-perkara yang mempunyai, dengan izin, news value, liputan diselenggara jua terhadap setiap Kementerian, Jabatan dan agensi-agensinya yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Selain dari itu, perkara-perkara penting yang dibangkitkan sama ada di Dewan Negara atau Dewan Rakyat terselit juga dalam Berita Perdana, di samping ulasan liputan Berita terdapat juga temuramah dengan Menteri-menteri atau Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar telah menyatakan bahawa RTM dalam pertandingannya dengan TV3 telah membenarkan siaran filem-filem barat yang nampaknya tidak ditapis dengan teliti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya tegaskan di sini bahawa RTM tidak berniat untuk bertanding dengan TV3, RTM mempunyai peranan tertentu yang agak berbeza dengan TV3. TV3 adalah sebuah commercial station, dengan demikian soal sama ada filem-filem yang disiarkan melalui RTM itu ditapis dengan teliti atau tidak, adalah tidak timbul kerana sebagai satu media Kerajaan, RTM tidak akan menyiarkan rancangan-rancangan yang tidak sejajar dengan dasar Kerajaan. Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan bahawa dalam satu episod Opah, RTM telah melakukan satu penghinaan terhadap orang-orang kampung dan RTM sepatutnya mengeluarkan kenyataan meminta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, RTM tidak

mempunyai sebarang niat untuk menghina orang kampung di dalam episod Opah yang menggambarkan satu rombongan orang-orang kampung dari Telok Intan ke Angkasapuri di mana salah seorang dari mereka menyatakan hasratnya untuk membuang air. Apa yang terdapat dalam episod Opah itu ialah perkara biasa dalam kehidupan masyarakat kita. Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan di sini bahawa drama bersiri Opah merupakan salah sebuah rancangan terbitan RTM yang kini mendapat tempat di hati rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mana-mana teguran dan pandangan yang tidak berkesempatan bagi saya memberi penjelasan, sukacita dinyatakan bahawa ianya diambil ingatan dan insya Allah akan diberi layanan yang sewajarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Buruh.

*3.45 ptg.*

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar ada menyentuh mengenai nasib pekerja-pekerja lombong yang diberhentikan kerja dan dikatakan keadaan mereka terbiar.

Di sini sukalah saya menjelaskan bahawa pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja akibat penutupan lombong, sentiasa mendapat perhatian Kementerian Buruh dan langkah-langkah serta-merta diambil bagi menentukan supaya majikan-majikan berkenaan mematuhi segala undang-undang, dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan tindakan pemberhentian seumpama itu atau retrenchment. Langkah-langkah segera juga diambil untuk membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan itu mendapat pekerjaan baru dengan cara meminta mereka mendaftarkan diri di pejabat-pejabat pekerjaan yang berdekatan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Jabatan Tenaga Rakyat di Kementerian saya juga menghantar pegawai-pegawai untuk mendaftarkan mereka dengan tujuan menempatkan semula di dalam pekerjaan-pekerjaan lain, tetapi malangnya mereka telahpun meninggalkan kawasan tempat bekerja. Pihak Jabatan Tenaga Rakyat telah cuba menghubungi pekerja-pekerja yang berkenaan itu secara bertulis, tetapi mereka yang berkenaan tidak datang mendaftarkan diri. Oleh yang demikian, maklumat mengenai jumlah sebenar mereka yang diberhentikan kerja dan yang telah mendapat pekerjaan baru tidaklah dapat diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, Kementerian Buruh ada mempunyai rekod pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja di sektor perlombongan seperti berikut:

- (a) dalam tahun 1982 seramai 816 orang;
- (b) dalam tahun 1983 seramai 1,939 orang; dan
- (c) dalam tahun 1984 iaitu mulai dari Januari hingga bulan Oktober ini seramai 1,253 orang, kebanyakannya dalam negeri Perak.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah faedah rentikerja yang dibayar oleh majikan lombong kepada pekerja-pekerja mereka yang diberhentikan adalah seperti berikut:

Negeri	Tahun	Jumlah
Perak	1983	\$3,563,803.14¢
Perak	1984	\$ 64,540.52¢
Selangor	1983	\$ 15,804.65¢
Selangor	1984	(angka-angka yang tepat belum lagi diperolehi)

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi angka-angka bagi dua negeri ini iaitu Perak dan Selangor kerana di kedua-dua negeri ini sahajalah yang mempunyai pekerja-pekerja lombong yang teramai.

Mengikut Undang-undang Buruh, majikan diwajibkan membayar pampasan kepada pekerja-pekerja mereka mengikut kadar yang ditetapkan oleh peraturan atau melalui persetujuan bersama dengan Kesatuan Sekerja. Ada juga terdapat majikan-majikan yang cuba mendapatkan tanah bagi pekerja-pekerja mereka untuk membina rumah di bawah skim memiliki rumah sendiri untuk pekerja-pekerja. Skim ini walaupun demikian adalah merupakan suatu skim sukarela sahaja. Dari pengetahuan Kementerian saya, ada sebanyak 3 buah lombong atau 3 syarikat lombong yang sedang mencuba berbuat demikian.

Seperti yang kita semua maklum masalah tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Di antara syarikat-syarikat lombong yang berusaha menyediakan rumah-rumah untuk dimiliki oleh pekerja-pekerja mereka adalah seperti berikut:

- (i) Berjantai Tin Sdn. Bhd., Kuala Selangor 479 unit rumah yang sedia ada akan dijual kepada pekerja-pekerja sebagai Skim Memiliki Rumah Sendiri pekerja. Skim ini sedang dikendalikan oleh Bahagian Perumahan Unit Perancangan dan Pembangunan Negeri Selangor.
- (ii) Air Hitam Tin Dredging sedang menunggu kelulusan daripada pihak berkenaan untuk pembinaan 418 unit rumah seperti

yang dicadangkan; dan

- (iii) Lombong Keeling Hall sedang menunggu kelulusan untuk membina 203 unit rumah untuk pekerja-pekerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang memorandum daripada pekerja-pekerja lombong yang telah dikemukakan pada Kementerian Buruh, sukaiah saya menjelaskan bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam memorandum tersebut telah diambil perhatian dan tindakan-tindakan yang sewajarnya sedang diambil dan akan terus diambil.

Sukaiah saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Akta PERKESO, 1969 tidak menyediakan faedah-faedah rentikerja, tetapi Akta berkenaan hanya meliputi kes-kes kemalangan pekerja-pekerja sahaja. Oleh yang demikian maka didapati pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja dengan sebab-sebab kemerosotan ekonomi tidaklah mendapat apa-apa bayaran daripada PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pemberhentian kerja dengan sebab kemerosotan ekonomi ada berlaku di sana sini, bukan sahaja di sektor perlombongan tetapi juga di lain-lain sektor pekerjaan, maka ianya telah menimbulkan kebimbangan di kalangan pekerja-pekerja dan telah menarik perhatian umum. Oleh yang demikian, saya memohon izin di Dewan yang mulia ini untuk memberi sedikit penjelasan untuk mengelakkan kekeliruan di kalangan orang ramai. Sebenarnya tidak ada undang-undang yang menyekat majikan-majikan daripada memberhentikan pekerja-pekerja mereka jika benar-benar perniagaan atau perusahaan itu terpaksa ditutup ataupun terpaksa dikurangkan pengeluaran atas sebab-sebab kemerosotan perniagaan, tetapi mereka diwajibkan melaksanakan proses pemberhentian kerja pekerja-pekerja mereka mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Undang-undang Buruh.

Pertama, majikan mesti memberi notis kepada tiap-tiap pekerja yang hendak diberhentikan atau membayar imbohan sebagai ganti notis mengikut kadar hak pekerja yang berkenaan berasaskan lama masa kerja masing-masing seperti yang ditetapkan oleh Akta Kerja, 1955 iaitu 4 minggu notis atau bayaran 4 minggu gaji sebagai ganti notis untuk pekerja yang telah bekerja kurang dari 2 tahun. 6 minggu notis atau bayaran gaji selama 6 minggu sebagai ganti notis untuk pekerja-pekerja yang telah bekerja antara 2 hingga 5 tahun dan 8 minggu notis atau bayaran 8 minggu gaji sebagai ganti notis untuk pekerja-pekerja yang telah bekerja 5 tahun ke atas.

Majikan mesti juga membayar faedah penamatan kerja kepada pekerja yang diberhentikan itu mengikut kadar yang dipersetujui di dalam perjanjian bersama (collective agreement) dengan kesatuan sekerja yang berkenaan atau mengikut kadar minima yang ditetapkan oleh Undang-undang Buruh, iaitu Peraturan-peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Renti Kerja Sentara), 1980 seperti berikut:-

membayar 10 hari gaji bagi setiap tahun bekerja jika pekerja itu bekerja kurang dari 2 tahun;

membayar 15 hari gaji bagi setiap tahun bekerja jika pekerja itu bekerja selama 2 tahun, tetapi kurang daripada 5 tahun; dan

membayar 20 hari gaji bagi setiap tahun bekerja jika pekerja itu bekerja selama 5 tahun atau lebih.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, majikan-majikan adalah dinasihatkan supaya seboleh-bolehnya berikhtiar mengelakkan daripada mengambil tindakan memberhentikan pekerja secara tergesa-gesah. Langkah-langkah penjimatan dan pengurangan kos boleh juga diambil melalui cara-cara berikut tanpa memberhentikan pekerja-pekerja beramai-ramai:

1. mengurangkan kerja-kerja lebih

masa kerana dengan cara yang demikian juga akan mengurangkan kos;

2. mengurangkan syif-syif kerja;
3. mengurangkan hari-hari kerja; dan
4. dengan cara menawarkan peluang berhenti kerja secara sukarela kepada pekerja-pekerja mereka dengan bayaran imbohan yang berpatutan yang mana jika dipersetujui, pekerja-pekerja akan sanggup berhenti kerja dengan suka hati.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja yang terlibat dengan pemberhentian kerja atas sebab-sebab kemerosotan ekonomi atau atas apa-apa sebab jua pun adalah dinasihatkan supaya memperjuangkan hak-hak mereka secara berkesan melalui langkah-langkah berikut:

1. menentukan sebab-sebab mereka diberhentikan kerja itu sama ada berasas dan boleh diterima atau tidak. Jika pekerja yang diberhentikan itu merasai tindakan majikan itu tidak berasas atau tidak adil, maka beliau berhak menuntut di bawah seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan supaya ia diambil balik semula bekerja. Pekerja yang berkenaan itu mestilah mengemukakan tuntutan kepada Pejabat Perhubungan Perusahaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh mula ia diberhentikan kerja itu;
2. jika pekerja yang diberhentikan kerja itu berpuas hati atas sebab-sebab yang diberikan oleh majikannya, maka beliau mestilah menuntut hak-hak mendapatkan notis berhenti kerja atau bayaran ganti notis dan faedah-faedah penamatan kerja, seperti yang telah diterangkan tadi. Sekiranya majikan enggan berbuat demikian atau pekerja yang berkenaan masih merasai majikan tidak mematuhi peraturan-peraturan

yang ditetapkan oleh undang-undang, maka mereka bolehlah mengemukakan aduan di mana-mana Pejabat Buruh yang berdekatan;

3. selepas seseorang pekerja diberhentikan kerja dan telah menerima segala bayaran yang beliau berhak menerimanya dengan senang hati, maka pekerja yang berkenaan itu bebas untuk mencari sebarang pekerjaan lain. Beliau hendaklah mendaftarkan diri dengan serta-merta di Pejabat Pekerjaan yang berdekatan bagi membolehkan usaha-usaha membantunya mendapat kerja baru dengan cara yang istimewa. Adalah sia-sia dan tidak berfaedah melauga-laungkan masalah yang dihadapi itu tanpa apa-apa kesan sekiranya langkah-langkah tidak diambil mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah memberi maklumat dan pandangan yang berguna untuk Kementerian saya. Saya berjanji maklumat dan pandangan-pandangan tersebut akan diberi perhatian wajar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

*3.57 ptg.*

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah serta juga menjawab kepada teguran-teguran bersabit dengan bidang tanggungjawab Kementerian Wilayah Persekutuan sendiri.

Bagi pihak Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, suka saya mengucapkan ribuan terima kasih

kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, cadangan serta teguran-teguran yang membina mengenai pelaksanaan program dan aktiviti di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tersebut ketika diadakan perbahasan di atas Dasar Am Belanjawan 1985 di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator K. Kumaran telah membangkitkan mengenai pengambilan peserta-peserta ke rancangan-ancangan FELDA dan FELCRA yang pada pandangan beliau tidak mengambil kira komposisi kaum negara ini. Beliau juga telah menyarankan agar rancangan-ancangan ini mengandungi rakyat dari segenap lapisan di negara kita ini. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dalam soal pemilihan peserta-peserta ke rancangan-ancangan tanah yang dilaksanakan oleh agensi-agensi pembangunan tanah seperti FELDA dan FELCRA, tidak dibuat sebarang kuota yang menggambarkan komposisi kaum dalam negara ini. Pemilihan peserta-peserta bagi mengikuti mana-mana rancangan di mana keputusan muktamadnya adalah sebenarnya diserahkan kepada Kerajaan Negeri adalah didasarkan kepada kriteria-kriteria dan kesesuaian bakal-bakal peserta dengan rancangan atau kawasan yang dimajukan oleh agensi yang berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, peluang untuk menyertai rancangan-ancangan FELDA adalah dibuka kepada semua kaum kecuali bagi rancangan-ancangan yang dimajukan di dalam kawasan Simpanan Melayu (Malay Reservation) dan sehingga 30hb November, 1984 seramai 87,262 peneroka telah ditempatkan di beberapa rancangan FELDA. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:-

Kaum	Bilangan Peserta	Peratus
Melayu	84,470	96.80
Cina	1,286	1.47
India	1,468	1.68
Lain-lain	38	0.04

Selain daripada sebab-sebab yang telah saya nyatakan tadi terdapat juga di negeri-negeri di mana permohonan untuk menyertai rancangan-ancangan FELDA dibuka didapati sambutan daripada kaum bukan Melayu adalah amat dingin. Ramai daripada calon-calon yang dipelawa masuk ke rancangan FELDA tidak melaporkan diri dan ada juga di antara mereka yang melapor diri kemudiannya meninggalkan rancangan. Sebagai contoh dalam tahun 1983 seramai 160 calon bukan Melayu telah dipelawa masuk ke FELDA Keratong 7 dan Keratong 9 di Negeri Pahang dan FELDA Linggi di Negeri Johor tetapi hanya 56 calon iaitu lebih kurang 35% sahaja yang melaporkan diri.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom telah membangkitkan mengenai masalah pendatang haram yang bekerja sebagai buruh di beberapa projek yang dilaksanakan oleh FELDA. Ingin saya jelaskan di sini bahawa pembangunan utama iaitu kerja-kerja tebas, kerja-kerja tebang, bakar dan menanam serta kerja-kerja penjagaan di peringkat awal di rancangan-ancangan FELDA adalah dilaksanakan dengan menggunakan khidmat pemborong-pemborong. Adalah menjadi tanggungjawab pemborong-pemborong itu sendiri mendapatkan tenaga buruh yang diperlukan bagi melaksana dan menyiapkan kerja-kerja yang telah diserahkan kepada mereka mengikut jadual kerja yang ditetapkan.

Adalah disedari bahawa terdapat setengah pemborong menggunakan tenaga buruh dari negara-negara jiran oleh kerana sukar mendapatkan tenaga buruh tempatan untuk bekerja di rancangan-ancangan FELDA yang mana kebanyakan terpencil di kawasan-kawasan pendalaman. Walau bagaimanapun pemborong-pemborong sentiasa diingatkan supaya mematuhi peraturan dan Undang-undang Buruh

Negara ini di dalam pengambilan dan layanan terhadap pekerja-pekerja masing-masing.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom juga telah menyentuh mengenai masalah kelewatan di dalam pentadbiran tanah dengan menarik perhatian kepada kelewatan mendapatkan hak milik daripada tanah-tanah yang telah dikeluarkan lesen menduduki sementara dan tanah-tanah pinggir.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Kemajuan Tanah sentiasa menumpukan perhatian untuk meninggikan mutu dan prestasi pentadbiran Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah dari semasa ke semasa. Dalam hubungan ini Kementerian Kemajuan Tanah sentiasa berusaha untuk mengubahsuaikan beberapa peraturan kerja dan peruntukan undang-undang yang telah dipakai supaya dapat diperkemas dan dibaharui mengikut kehendak-kehendak pengurusan moden. Di samping itu skim latihan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Tanah juga sentiasa dirancang setiap tahun untuk mencapai tujuan ini.

Di dalam tahun 1984 sahaja Unit Latihan Kementerian ini telah mengadakan sebanyak 383 kursus kepada pegawai-pegawai dan kakitangan pentadbiran tanah. Dalam tahun 1985 pula Kementerian ini juga merancang untuk menjalankan pentadbiran tanah secara berkomputer, secara berperingkat-peringkat di mana pada peringkat permulaannya penumpuan akan ditekankan kepada kutipan hasil tanah secara berkomputer. Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa pemegang-pemegang lesen menduduki sementara dan peneroka-peneroka Rancangan Tanah Pinggir ada yang tidak dapat hak milik bagi tanah berkenaan sehingga tempoh 15 tahun katanya. Kejadian ini berlaku mungkin

disebabkan beberapa faktor yang mempengaruhi tanah tersebut.

Pada lazimnya mengikut undang-undang Kerajaan negeri tidak terikat untuk mengeluarkan surat hak milik kepada pemegang-pemegang lesen menduduki sementara. Tanah-tanah yang dikeluarkan lesen menduduki sementara adalah untuk kegunaan sementara sehingga kawasan tanah yang berkenaan ditentukan perancangannya untuk kegunaan yang maksima.

Pemungut-pemungut Hasil Tanah atau Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengeluarkan lesen menduduki sementara oleh kerana kawasan yang berkenaan belum mempunyai pelan susunatur atau di atas sebab-sebab perancangan, maka pemberian milik tanah tidak dapat dibuat. Dengan itu surat hak milik tidak dapat dikeluarkan bagi kawasan-kawasan yang berkenaan.

Mengenai kedudukan tanah pinggir pula, hak milik sementara hanya akan dikeluarkan setelah hutang-hutang peserta, dengan izin, consolidated annual charges dijelaskan kepada Kerajaan Negeri masing-masing.

Yang Berhormat Senator Jaafar bin Harun telah membangkitkan mengenai keselamatan dalam rancangan-rancangan FELDA yang mana tidak menurut beliau menempatkan anggota keselamatan khususnya pasukan polis dan jika ada pun ianya adalah tidak mencukupi.

Untuk makluman Yang Berhormat pada dasarnya tiap-tiap rancangan FELDA dilengkapi dengan sebuah pondok atau Balai Polis mengikut besar kawasan dan bilangan penduduk di sesebuah rancangan itu. Perkhidmatan keselamatan oleh anggota-anggota polis bermula selepas memasukkan peserta-peserta di sesebuah rancangan. Bagaimana pun ada di antara rancangan-rancangan FELDA yang didapati tidak perlu diadakan pondok

atau Balai Polis kerana Balai Polis telah sedia ada di kawasan yang berhampiran. Sebagai contoh Balai Polis tidak akan diadakan di rancangan FELDA Lui Barat dalam Daerah Jempol, Negeri Sembilan kerana sebuah Balai Polis telah sedia ada di Kampung Air Hitam yang jaraknya hanya lebih kurang 1½ kilometer sahaja daripada rancangan FELDA Lui Barat. Kebanyakan rancangan-rancangan FELDA di Daerah Jempol iaitu Daerah Bahau Lama, Negeri Sembilan masih belum lagi ditempatkan peneroka dan oleh itu pondok polis belum dibina di rancangan-rancangan yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator Stephen Timothy Wan Ullok pula telah membangkitkan mengenai perluasan kegiatan-kegiatan FELDA ke Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sememangnya mempunyai rancangan untuk memperluaskan skim rancangan FELDA ke negeri Sarawak. Perbincangan awal telahpun diadakan dengan Lembaga Simpanan dan Kemajuan Tanah Sarawak (Land Custody and Development Authority (LCDA)). Pihak LCDA telahpun menawarkan satu kawasan milik Kerajaan Negeri seluas lebih kurang 5,130 ekar di Sampadi dalam Bahagian Pertama Sarawak untuk dimajukan oleh FELDA. Di samping itu pihak LCDA juga telah mengenal pasti tiga lagi tanah milik native customary right seluas 80,000 ekar lebih kurang yang mungkin sesuai dimajukan oleh FELDA. Perbincangan dan kajian lanjut sedang diatur untuk menentukan kesesuaian serta peraturan-peraturan bagi memajukan kawasan-kawasan yang berkenaan.

Bagi pihak Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah izinkan saya mengucapkan berbilang terima kasih dan setinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan cadangan dan sekiranya di dalam

jawapan saya bagi pihak Kementerian tersebut tidak disentuh kepada perkara-perkara yang telah dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tertentu, saya mohon maaf dan hanya dapat menyatakan bahawa perkara-perkara itu akan dirujukan untuk pandangan dan pertimbangan kepada pihak Kementerian sendiri.

Bagi pihak Kementerian saya pula Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyampaikan jawapan kepada perkara-perkara dan masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah mengenai dengan perjalanan dan masalah di Wilayah Persekutuan.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah telah menyentuh tentang susunatur bangunan di Wilayah Persekutuan yang mana menurut beliau tidak teratur tetapi dukacita tidak dapat memberi contoh-contoh bangunan berkenaan kerana saya juga berminat untuk mengambil tindakan ataupun untuk mengatasi masalah yang disebutkan oleh pihak beliau.

Sungguhpun begitu saya akui memang terdapat di kawasan pusat bandar bangunan rumah kedai yang telah dibina semula di antara rumah kedai yang usang yang sedia ada. Kementerian saya sedar pembangunan secara individu atau berasingan seperti ini adalah tidak sesuai dan sukar mendapat rekabentuk bangunan yang indah, menarik dan tersusun. Kementerian Wilayah Persekutuan memang tidak menggalakkan pembangunan secara demikian.

Kementerian saya sedang mengambil tindakan bagi mengatasi masalah-masalah susunatur bangunan dan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mempastikan perancangan pembangunan itu dilaksanakan dengan tersusun. Satu dari cara yang sedang dilaksanakan dengan menyediakan pelan-pelan tempatan ataupun pelan-pelan tindakan bagi kawasan-kawasan

yang memerlukan pembangunan semula supaya perancangan secara detail dan terperinci dapat diadakan. Dengan adanya tindakan sedemikian Kementerian saya berharap akan dapat mewujudkan susunatur yang menyeluruh dan comprehensive dengan mengambil kira unsur-unsur penting seperti landscape atau seri tanam rekabentuk bangunan yang menarik seperti penggunaan building material atau bahan binaan yang bermutu dan terkawal.

Pemaju-pemaju dan pemohon-pemohon juga dikehendaki menyediakan model-model yang sesuai dengan mengambil kira unsur-unsur rekabentuk tempatan, kedudukan bangunan bersebelahan yang sedia ada dan sebagainya supaya cadangan mereka dapat dikaji dengan teliti sebelum dipersetujui.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak juga menyentuh tentang penggunaan Bahasa Malaysia yang tidak standard dan bahasa asing di gedung-gedung perniagaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang sedar dan sentiasa meneliti serta mengambil berat terhadap masalah ini. Kementerian saya juga akan mengambil tindakan-tindakan supaya iklan-iklan akan memenuhi kehendak Undang-undang Kecil Iklan tahun 1982. Undang-undang ini menekankan supaya semua iklan hendaklah di dalam Bahasa Kebangsaan. Namun begitu, bahasa lain boleh juga digunakan tetapi huruf-huruf bagi perkataan Bahasa Kebangsaan hendaklah diberi keutamaan dari segi saiz dan kedudukannya dari bahasa-bahasa lain.

Kementerian saya akan sentiasa memastikan penggunaan Bahasa Kebangsaan digunakan dengan betul dan lesen-lesen hanya dikeluarkan kepada papantanda-papantanda iklan yang telah memenuhi peraturan atau perkataan seperti yang telah didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan

tahun 1956. Memang terdapat gedung-gedung perniagaan yang telah memamerkan iklannya tanpa lesen di sepanjang tahun 1984 sahaja lebih kurang 2,000 kesalahan telah dikeluarkan terhadap kesalahan yang sama. Kementerian saya melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan terus menguatkuasakan Undang-undang Kecil tersebut dan memastikan penggunaan Bahasa Kebangsaan digunakan dengan betul.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samad kerana teguran beliau terhadap penambahan bilik di tiap-tiap rumah pangsa dan menambah keluasan kawasan perumahan. Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa timbulnya implikasi sosial adalah akibat daripada ruang dan kawasan yang terlalu sempit di kawasan perumahan yang menyebabkan tidak ada ruang-ruang rekreasi untuk belia-belia dan anak-anak kecil kita. Kementerian saya telah mengkaji dan merancang agar projek-projek rumah awam akan juga menyediakan taman-taman rekreasi dan kawasan-kawasan haram. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan telahpun merancang supaya ruang-ruang dan kawasan perumahan kos murah akan lebih selesa dan besar daripada apa yang ada sekarang ini.

Projek pertama yang menggunakan perancangan sedemikian ialah projek pembangunan semula Kampung Pandan Tengah di Kuala Lumpur. Berkenaan dengan tindakan Penguatkuasaan Bandaraya yang merobohkan rumah setinggan tanpa belas kesihan seperti yang ditegurkan oleh Ahli Yang Berhormat, ingin saya maklumkan bahawa tindakan-tindakan yang diambil terhadap setinggan adalah berasaskan kepada peri kemanusiaan. Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya telahpun diarahkan supaya sebarang tindakan yang diambil

terhadap setinggan hendaklah dijalankan mengikut peraturan-peraturan tertentu. Ianya bertujuan supaya tindakan yang diambil tidak akan menyusahkan mana-mana pihak.

Ingin saya juga menekankan bahawa tindakan-tindakan yang diambil bukanlah tidak berperikemanusiaan tetapi adalah menjalankan dasar-dasar dan garis panduan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan. Dasar pengawalan setinggan adalah perlu bagi menjamin pembangunan Wilayah Persekutuan teratur sepertimana yang telah dirancangkan.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak juga membangkitkan masalah banjir yang dialami oleh kawasan-kawasan perkampungan. Beliau juga menyentuh bahawa banjir-banjir ini mungkin diakibatkan oleh projek-projek pembangunan yang sedang dijalankan di Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan persekitaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang mengambil berat terhadap masalah banjir di Wilayah Persekutuan. Projek-projek seperti membesarkan dan mendalamkan sungai dan membina ampangan sedang dijalankan bagi memastikan supaya masalah tersebut dapat dikurangkan. Sekiranya masalah banjir ini disebabkan oleh projek pembangunan perumahan swasta, ingin saya maklumkan bahawa Kementerian saya telah dan akan mengambil tindakan tegas mengikut Undang-undang Kecil Kerja Tanah terhadap pemaju-pemaju projek tersebut.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sebahagian sebab yang utama bagi kawasan yang tertentu mengalami masalah banjir ialah kerana sebahagian daripada kampung tersebut dibina di kawasan-kawasan di sebelah sungai dan juga di kawasan-kawasan yang rendah dan sememangnya daripada perancangan Kerajaan sepatutnya tidak ada pembangunan perumahan di kawasan yang berkenaan. Oleh kerana kampung itu dan rumah-rumah itu

dibinakan di tempat rendah dan kawasan yang sememang selalunya dilalui oleh air banjir, maka rumah di kawasan-kawasan tersebut sentiasa sahaja dilanda oleh banjir.

Bagaimanapun tindakan-tindakan yang telah kita ambil dari semasa ke semasa telah memperbaiki keadaan, bagaimanapun banyak lagi dan masih perlu dilakukan dan Kementerian saya akan berusaha untuk mencapai kejayaan dan kemajuan yang lebih berkesan lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian telahpun mengambil tindakan untuk memberhentikan kerja-kerja sesuatu projek sekiranya pemaju itu gagal mengambil tindakan-tindakan yang tertentu dan mereka akan didakwa di mahkamah. Pada kesimpulannya Kementerian saya sentiasa menerima teguran dan pendapat dari pihak tertentu bagi mewujudkan satu suasana Bandaraya Kuala Lumpur yang lebih indah dan cantik. Di samping itu Kementerian saya juga sentiasa mengambil berat terhadap penyelesaian masalah-masalah setinggan khususnya dan penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan pada amnya.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah yang merupakan salah seorang yang sentiasa memberikan pandangan berat dan kepada segala yang sedang berlaku dalam kawasan Wilayah Persekutuan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kesihatan.

*4.19 ptg.*

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk pertamanya untuk menjawab bagi pihak Menteri Kesihatan dan kemudian bagi Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberikan jawapan dan penjelasan bagi pihak Menteri Kesihatan, terlebih dahulu saya mengucapkan terjma kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian dalam perbincangan atas perkara-perkara di bawah Kementerian Kesihatan dalam tempoh perbincangan atas dasar-dasar am Belanjawan tahun 1985 di Dewan yang mulia ini.

Beberapa teguran telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom yang di antaranya adalah mengenai kekurangan doktor dan pakar-pakar, layanan di hospital-hospital, dan juga mengenai kejadian-kejadian di mana kapas, kain dan benang tertinggal dalam rahim ibu-ibu bersalin. Perkara mengenai kekurangan doktor dan pakar-pakar ini telah banyak kali ditimbulkan dan sukalah saya menjelaskan bahawa selain daripada 150 jawatan pakar Tingkatan-tertinggi dari sejumlah 323 jawatan yang telah diisi. Kementerian Kesihatan juga mempunyai 176 pakar-pakar kelinikal yang dapat memberikan perkhidmatan kepakaran di hospital-hospital, menjadikan jumlah pakar Tingkatan-tertinggi dan pakar kelinikal Tingkatan-Biasa kepada 329.

Kekurangan pakar-pakar didapati khususnya di dalam disiplin-disiplin yang tidak popular seperti dalam disiplin kaji penyakit, pathologi, perubatan jiwa, radiologi dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sedang berusaha sedaya upaya untuk mengisi seberapa banyak yang mungkin jawatan pakar-pakar tingkatan tertinggi dengan syarat doktor-doktor itu layak dari segi kepakaran dan keadaan perkhidmatan

Berkenaan dengan masalah menunggu bagi orang ramai yang ingin mendapatkan rawatan, sejauh mana diketahui pegawai-pegawai perubatan di Jabatan Pesakit Luar di hospital-hospital Kerajaan memberikan rawatan

kepada pesakit-pesakit dengan seberapa segera yang boleh. Mungkin pada satu-satu ketika kelewatan tidak dapat dielakkan memandangkan kepada bilangan pesakit yang ramai pada hari-hari yang tertentu. Namun begitu saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa semua pesakit tenat memang dirawat dengan segera tanpa kelewatan.

Mengenai layanan di hospital-hospital sukalah saya menjelaskan bahawa semua kakitangan di hospital-hospital Kerajaan telah diarah supaya menjaga perhubungan yang baik dengan pesakit-pesakit dan orang awam. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat kekasaran yang dilakukan oleh kakitangan hospital, Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan yang sewajarnya jika perkara tersebut dibawa ke pengetahuan Kementerian yang berkenaan. Begitu jugalah jika terdapat kes-kes di mana kakitangan di hospital Kerajaan tidak berada di unit-unit kecemasan pada waktu bertugas. Kementerian Kesihatan akan menyasiat perkara ini sekiranya dibawa ke pengetahuan Kementerian tersebut. Tetapi sejauh mana yang diketahui oleh Kementerian Kesihatan semua kakitangan di unit-unit kecemasan adalah dikehendaki bertugas 24 jam mengikut giliran.

Tentang saranan dari Ahli Yang Berhormat itu supaya tempat tinggal pekerja-pekerja juga disediakan berhampiran hospital-hospital, suka saya memberitahu bahawa pada masa ini semua hospital-hospital baru yang dibina di tempat-tempat jauh, tempat kediaman bagi kakitangan disediakan juga, tetapi bagi hospital-hospital di bandar, cuma tempat tinggal bagi pekerja-pekerja yang perlu sahaja disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab teguran-teguran yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator K. Kumaran, adalah dijelaskan bahawa

pengswastaan perkhidmatan hospital-hospital bukanlah bermakna bahawa Kerajaan akan menyerahkan sepenuhnya pengurusan hospital-hospital Kerajaan kepada pihak swasta. Cara-cara menggembelikan tenaga sektor swasta dalam menguruskan keperluan kesihatan dan perubatan rakyat sedang dikaji pada masa ini. Walau bagaimanapun Kementerian Kesihatan sukalah meyakinkan Ahli yang Berhormat itu bahawa Kerajaan akan terus menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti mana yang disediakan sekarang kepada orang ramai yang tidak mampu untuk mendapatkan perkhidmatan pakar swasta.

Buat masa ini dasar Kerajaan adalah untuk menggalakkan pengswastaan. Oleh itu adalah tidak menjadi hasrat Kerajaan untuk mengambilalih hospital-hospital ladang seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Hospital-hospital ladang yang ditubuhkan di bawah Kanun Buruh adalah bertujuan untuk memberi perkhidmatan perubatan serta merta atau rawatan kecemasan kepada pekerja-pekerja ladang. Mutu perkhidmatan perubatan yang disediakan oleh hospital-hospital ladang mungkin tidak sebaik seperti yang terdapat di hospital-hospital yang modern tetapi hospital-hospital ladang sedikit sebanyak telah dapat memenuhi tujuan rawatan serta merta atau kecemasan kepada pekerja-pekerja ladang.

Dengan berkuatkuasanya Akta Hospital-hospital Persendirian, 1971, hospital-hospital ladang dikehendaki dilesenkan di bawah Akta ini dan dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan di dalamnya. Akta ini digubal antara lain untuk pendaftaran, pengawalan atau pemeriksaan hospital-hospital persendirian. Adalah diharapkan bahawa apabila hospital-hospital ladang dilesen di bawah Akta Hospital-hospital Persendirian, 1971 dengan syarat-syarat tertentu nanti, mutu kemudahan perubatan akan dapat dipertingkatkan lagi. Usaha ini memakan masa yang lama sedikit oleh

kerana perbincangan terpaksa diadakan dengan beberapa pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Ariffin bin Haji Salleh pula telah menimbulkan masalah kekotoran di hospital-hospital. Di atas kesedaran inilah maka Kementerian Kesihatan telah melancarkan Kempen Kebersihan di beberapa buah hospital Kerajaan dalam tahun ini. Di samping itu, beberapa langkah telahpun diambil untuk memastikan kebersihan di semua hospital Kerajaan seperti berikut:-

1. satu garis panduan mengenai pemeliharaan kebersihan di hospital-hospital telah diedarkan kepada semua hospital untuk dipatuhi;
2. satu lagi garis panduan yang lebih teliti yang mengandungi standards of cleanliness, dengan izin, sedang disediakan untuk kegunaan semua hospital; dan
3. lawatan-lawatan mengejut dilakukan oleh Pegawai Kanan Kementerian Kesihatan dari masa ke semasa untuk memastikan supaya hospital-hospital memberi keutamaan kepada penjagaan kebersihan hospital dan juga kawasan sekeliling.

Mengenai seruan Yang Berhormat Senator Dato' James Bernad Willie supaya Kementerian Kesihatan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah kekurangan pakar-pakar di Sabah, suka saya memberitahu bahawa 19 dari 30 jawatan pakar di negeri Sabah telah diisi.

Yang Berhormat Senator Stephen Timothy Wan Ullok telahpun membangkitkan masalah kekurangan klinik di daerah Baram. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di daerah Baram bagi penduduk seramai lebih kurang 52,000 orang Kementerian Kesihatan telah menyediakan 8 buah klinik desa, sebuah static dispensari dan juga 10 buah sub-dispensari. Nisbah kemudahan dengan penduduk ini iaitu

1:2789 orang penduduk ialah satu nisbah yang terbaik dalam negeri Sarawak. Banyak lagi daerah tidak dilengkapkan dengan kemudahan sebanyak ini.

Mengenai dengan ubat pula, Jabatan Kesihatan Sarawak membekalkan ubat sekali setiap 3 bulan mengikut senarai standard. Jika bekalan habis lebih cepat ianya dihantar melalui kenderaan darat ataupun kapalterbang secepat yang boleh. Jika keadaan tertentu berlaku di mana stok satu jenis ubat itu habis, ini tidak disengajakan dan boleh berlaku di mana-mana tempat mengikut ramainya pesakit yang memerlukan jenis-jenis ubat itu. Pada keseluruhannya keadaan stok ubat adalah memuaskan.

Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Salleh telah membangkitkan mengenai hospital baru di daerah Raub, Pahang. Sukalah saya menyatakan bahawa hospital baru daerah Raub adalah satu projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keempat dan sepatutnya dilaksanakan dalam tempoh tersebut. Malangnya oleh kerana kemelesetan ekonomi negara projek ini tidak dapat diteruskan. Kerja-kerja tapak yang telahpun disiapkan sekarang terpaksa dijaga supaya tidak rosak. Peruntukan bagi kerja ini telah disediakan dan tindakan sedang diambil. Pelaksanaan hospital baru ini akan dibincangkan di dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja jawapan bagi pihak Menteri Kesihatan dan ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama membincangkan Belanjawan Kementerian Kebajikan Masyarakat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Saya amat tertarik hati di atas kesungguhan dan

minat Ahli-ahli yang Berhormat dalam membantu Kementerian Kebajikan Masyarakat meneruskan kegiatan dan perkhidmatannya demi kesejahteraan golongan rakyat yang memerlukan intervensi kerja sosial Kementerian saya. Semoga kesungguhan Ahli-ahli Yang Berhormat itu bukan sahaja akan mendorong Kementerian Kebajikan Masyarakat meningkatkan usaha-usahanya dengan lebih giat lagi tetapi juga akan berusaha ke arah mewujudkan perkhidmatan yang lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Senator Jaafar bin Harun mengenai tabung kebajikan, khidmat untuk memberi bantuan kepada golongan miskin, cacat dan lain-lainnya sekarang ini diberikan oleh Kementerian saya serta Kerajaan-kerajaan Negeri.

Dalam tahun 1983 sejumlah \$10,959,908 telah dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat untuk berbagai bantuan kepada golongan yang memerlukannya. Di samping itu pula sejumlah \$14,492,015 telah dibelanjakan oleh Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia untuk maksud yang sama.

Selain daripada itu, Yayasan Kebajikan Negara yang ditubuhkan pada awal tahun 1981 memberikan layanan kepada mereka yang tidak dapat dibantu oleh agensi kebajikan kerana di luar skopnya. Tabung ini dapat sumbangan wang daripada orang ramai.

Di samping itu, berbagai pertubuhan kebajikan sukarela yang memungut derma daripada orang ramai juga memberikan perkhidmatan kebajikan kepada golongan yang memerlukan pertolongan. Sehubungan dengan ini, Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan untuk menyelaraskan pungutan derma daripada badan-badan kebajikan agar derma-derma yang dipungut dapat disatukan dan digunakan secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Mohd. Yusoff Kassim, bantuan kewangan yang diberikan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat adalah berdasarkan kadar dan kelayakan yang ditetapkan. Kementerian saya sedar bahawa sejak akhir-akhir ini harga barang keperluan telah meningkat dan Kementerian telah mengkaji semula kadar bantuan yang diberi dengan tujuan untuk menambah sedikit bantuan tersebut sekiranya keadaan kewangan negara mengizinkan. Menyentuh berkenaan bantuan yang diberhentikan, sukacita saya memaklumkan bahawa pemberian bantuan adalah diberikan berdasarkan satu tempoh masa yang ditetapkan dan sebelum tempoh itu tamat, satu kajian semula diadakan untuk menentukan sama ada penerima itu tidak memerlukan bantuan lagi ataupun sebaliknya. Jika keadaan penerima itu tidak memerlukan maka bantuan diberhentikan dan penerimanya itu diberitahu kedudukannya.

Berkenaan dengan Bantuan Malapetaka, suka saya memaklumkan bahawa bantuan tersebut adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri masing-masing, melainkan Wilayah Persekutuan. Namun begitu, dalam segala kegiatan malapetaka, Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa memberi keutamaan daripada segi penyiasatan dan pembayaran bagi mereka yang layak. Kementerian saya sentiasa berusaha menentukan kelewatan tidak berlaku dalam membantu mangsa-mangsa yang ditimpa malapetaka itu.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya akan terus berusaha untuk menjadikan Kementerian itu sebagai salah satu agensi Kerajaan yang akan terus memainkan peranan penting dalam menentukan kebajikan sosial rakyat mencapai hasrat yang dicita-citakan

oleh Kerajaan. Saya dapati bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat sedia mempunyai potensi dalam melaksanakan tanggungjawab memperkembang dan mempertingkatkan kemampuan dan keupayaan individu, keluarga dan komuniti dalam konteks pembangunan sosial selaras dengan Dasar Ekonomi Baru kita. Untuk melicinkan lagi peranan Kementerian ini, beberapa langkah telahpun diambil bagi mencapai keberkesanan perkhidmatan yang dijalankan oleh Kementerian.

Kita sedia maklum bahawa perkhidmatan kebajikan masyarakat adalah tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Sungguhpun selama ini prestasi dan kerjasama yang dicapai amat memuaskan, tetapi bagi menentukan peningkatan mutu perkhidmatan yang lebih berkesan serta untuk menyelaraskan perkhidmatan kebajikan yang lebih berterusan maka Kementerian saya telahpun menubuhkan Majlis Perkhidmatan Kebajikan Negara pada 1hb Disember, 1984 yang mana pelancarannya dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Adalah menjadi harapan saya bahawa dengan tertubuhnya Majlis Perkhidmatan Kebajikan Negara ini, ianya bukan sahaja dapat merapatkan hubungan Kementerian Kebajikan Masyarakat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, tetapi juga membolehkan kami berusaha ke arah menyelesaikan segala apa masalah di segi perancangan dan pelaksanaan perkhidmatan. Dengan ini rakyat yang memerlukan perkhidmatan Kementerian Kebajikan Masyarakat akan menerima kemudahan dan faedah yang lebih baik dan seimbang dari sebuah negeri ke sebuah negeri yang lain. Sebagai contoh, Majlis Perkhidmatan Kebajikan Negara dalam mesyuarat yang pertamanya telahpun bersetuju mengenai kadar pemberian bantuan kewangan dengan bantuan minima tidak kurang dari \$30.00 sebulan sejajar dengan kadar minima bantuan Per-

sekutuan dan seterusnya persetujuan telah juga dicapai di segi menyeragamkan proses meluluskan bantuan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun perkhidmatan kebajikan telah mengalami beberapa perubahan sejak mulanya jentera pentadbiran pada tahun 1946 dengan mengadakan urusan menampung kesulitan rakyat akibat peperangan sehingga ke perkhidmatan yang ada sekarang, peranan yang dimainkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat masih kurang mendapat fahaman sebenar masyarakat kita. Ada pihak hanya mengenali Kementerian Kebajikan Masyarakat apabila berlakunya malapetaka seperti banjir atau kebakaran, ada pula yang tahu Kementerian ini sebagai Kementerian yang mengeluarkan bantuan kepada orang-orang miskin sahaja dan sebagainya dan ada juga yang hanya memahami Kementerian ini apabila mereka dalam kesulitan keluarga.

Untuk memberikan penjelasan dan gambaran sebenar fungsi Kementerian Kebajikan Masyarakat, maka usaha akan dipergiatkan di tahun-tahun akan datang dalam mendekatkan perkhidmatan kebajikan itu dengan masyarakat umum. Antara lain, langkah yang akan diambil oleh Kementerian saya ialah mengadakan Minggu Kebajikan pada tahun 1985. Minggu Kebajikan ini akan berjalan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Di antara lain, tujuannya adalah untuk mendedahkan kepada orang ramai berbagai perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan dan Badan-badan Pertubuhan Sukarela bagi golongan sasaran seperti orang cacat, kanak-kanak, orang miskin dan orang tua supaya mereka akan memerlukannya dapat menggunakan perkhidmatan yang berkenaan dengan lebih berkesan lagi. Saya berharap bukan sahaja Kerajaan-kerajaan Negeri dapat turut sama dalam menjayakan Minggu Kebajikan ini, bahkan juga sokongan Pertubuhan-pertubuhan

Sukarela dan orang-orang perseorangan amat diperlukan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, penyertaan dan penglibatan masyarakat amat diperlukan dalam menyediakan perkhidmatan kebajikan di negara ini. Sebagai Menteri Kebajikan Masyarakat, saya amat menyedari hakikat bahawa Kerajaan tidak akan menjadikan Malaysia ini sebagai Negara Kebajikan (Welfare State). Oleh itu sudah sampai masanya Pertubuhan-pertubuhan Sukarela terus berusaha meningkatkan penyertaan mereka dalam membantu kumpulan sasaran yang perlukan perhatian dan bantuan mereka. Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak bercadang menyediakan pelbagai perkhidmatan kebajikan sekiranya terdapat pertubuhan-pertubuhan sukarela yang benar-benar sedia melaksanakan tanggungjawab terhadap ahli-ahli masyarakat yang perlukan perkhidmatan kebajikan. Saya mengalukan penglibatan yang berkesan daripada pertubuhan-pertubuhan ini dan Kementerian saya akan terus menyokong usaha-usaha mereka itu dengan cara memberikan pertolongan di segi latihan dan kewangan yang perlu dari masa ke semasa.

Sehubungan dengan ini, ingin saya nyatakan bahawa salah satu usaha ahli-ahli masyarakat yang boleh memberi kesan terhadap mengurangkan masalah sosial, terutama di bidang pemulihan akhlak di kalangan juwana ialah menerusi Jawatankuasa Kebajikan Budak-budak Daerah yang telahpun diwujudkan di tiap daerah dalam negara ini. Saya kira Jawatankuasa ini perlu mempertingkatkan aktivitinya semoga dengan penyertaan aktif ahli-ahli masyarakat yang menganggotainya akan dapat membantu Kementerian dalam pencegahan dan pemulihan di kalangan juwana yang nakal dan perlukan jagaan dan perlindungan. Saya percaya dengan kegiatan Jawatankuasa ini kelak akan dapat membantu usaha Kerajaan amnya dan Kementerian Kebajikan Masyarakat khususnya dalam membanteras masalah

kenakalan kanak-kanak dan orang-orang muda.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa beberapa usaha lain akan dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat di tahun hadapan. Dengan menekankan intervensi kerja sosial yang lebih menyeluruh, bukan sahaja menumpukan perhatian terhadap jagaan dan perlindungan kumpulan sasaran seperti orang tua, kanak-kanak, orang cacat dan sebagainya di setiap institusi kebajikan yang ada, Kementerian saya akan terus meluaskan perkhidmatannya dalam mengadakan pemulihan berk komuniti (community-based rehabilitation) dan kerja-kerja organisasi komuniti terhadap kumpulan tersebut.

Kejayaan projek di Batu Rakit, Terengganu telah menunjukkan bahawa masyarakat boleh menyertai dalam usaha pemulihan orang cacat yang dijalankan oleh Kerajaan. Program Wanita Dalam Pembangunan di Temoh Station, Perak dan juga Datuk Keramat, Kuala Lumpur juga telah memberikan panduan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk meluaskan usahanya ke arah meningkatkan penyertaan kaum wanita dalam pembangunan sosio-ekonomi keluarga masing-masing. Berserta dengan hasil keluarannya dan juga dari institusi kebajikan, Kementerian ini akan mengeluarkan bahan-bahan kraftangan yang boleh dipasarkan di dalam dan di luar negeri. Untuk memastikan pencapaian yang berkesan, Kementerian saya akan juga meningkatkan latihan vokasional yang dijalankan di institusi kebajikan di seluruh negara supaya dapat mencapai satu produktiviti yang tinggi, sambil itu berusaha mengadakan tenaga mahir dan separuh mahir yang boleh menampung keperluan tenaga yang diperlukan dalam pembangunan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya

mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan di Dewan yang mulia ini dan juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya. Semoga dengan pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan membolehkan Kementerian Kebajikan Masyarakat terus menjalankan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan di tahun-tahun akan datang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:**  
Kementerian Pertanian.

*4.43 ptg.*

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah diberi perhatian dan teguran mengenai dasar-dasar pertanian yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian. Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Dasar Pertanian Negara (DPN) adalah bertujuan untuk memaksimumkan pendapatan daripada pertanian melalui penggunaan sumber-sumber negara dengan cekap dan mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada pembangunan ekonomi negara keseluruhannya dengan menentukan matlamat-matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya ingin menyentuh saranan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Latip bin Haji Dris supaya negara kita dapat mengeluarkan beras mencukupi untuk keperluan negara dan tidak bergantung kepada negara lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dasar Pertanian Negara menetapkan bahawa pengeluaran beras dalam negara adalah bagi memenuhi 80% ke 85% daripada keperluan negara dan selebihnya akan diimport. Bagi mencapai matlamat ini dua cara boleh diambil iaitu pertama,

dengan memperbaiki kawasan-kawasan perairan dan jelapang padi yang sedia ada untuk penanaman-penanaman dua kali setahun dan keduanya membuka kawasan-kawasan baharu yang sesuai bagi tanaman padi. Kerajaan telah meneliti kedua-dua cara ini dan mendapati cara yang pertama adalah lebih ekonomik dan munasabah untuk dilaksanakan. Cara yang kedua akan melibatkan perbelanjaan yang amat besar dan mengakibatkan harga beras begitu mahal dan tidak ekonomi kepada negara. Oleh yang demikian, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membuka kawasan jelapang padi yang baharu.

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom ada menyatakan kurangnya sambutan terhadap rancangan bersepadu. Kenyataan ini tidaklah begitu tepat kerana setakat ini Kementerian Pertanian telah melaksanakan sebanyak 15 projek pertanian bersepadu. Dari jumlah tersebut sebanyak 4 projek telah siap iaitu MADA, KADA, Besut dan Kelantan Utara, projek lain masih dalam pelaksanaannya. Pendapatan dan hasil padi penduduk di kawasan-kawasan projek yang telah siap telah meningkat. Kekesanan bagi projek-projek yang sedang dilaksanakan hanya akan dapat diketahui selepas projek-projek tersebut siap.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah membangkitkan masalah sawah-sawah yang terbiar begitu banyak di negara kita ini yang tidak dimajukan untuk pertanian. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, seluas 12,439.3 hektar sawah terbiar telah dipulihkan sehingga akhir tahun 1983. Kebanyakannya telah ditanam dengan padi dua musim setahun kecuali 227.35 hektar yang ditanam dengan tanaman jangka pendek seperti sayur-sayuran, jagung dan kacang dan 357.4 hektar lagi dipulihkan dengan tanaman kekal termasuklah kelapa sawit dan dusundusun buah-buahan.

Kerajaan telah menyediakan beberapa rancangan khusus bagi menggalakkan membantu tuan-tuan tanah supaya membaiki pulih tanah mereka yang terbiar tetapi didapati sesuai, ekonomik dan berdaya maju jika diusahakan dengan kegiatan-kegiatan pertanian atau ternakan. Rancangan-rancangan tersebut termasuklah pemuliharaan tanah terbiar yang dilaksanakan bersama di antara Kementerian Pertanian dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Rancangan Pembangunan Kampung dan Luar Bandar secara berkelompok dan Rancangan-rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu yang telah dilaksanakan dengan meluas seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah rompakan laut di perairan Kelantan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh, dimaklumkan kebanyakan kes-kes rompakan laut adalah dari segi kecurian bot nelayan, kemusnahan bubu dan unjang-unjang. Bilangan kes-kes pencerobohan terhadap nelayan adalah lebih ketara di Terengganu, dengan itu pengawasan dan pengawalan diadakan secara berlebihan di Terengganu. Baharu-baharu ini satu operasi bernama Operasi Samudera Gagah Satu 84 telah diadakan di Pantai Timur yang dikendalikan oleh Jabatan Perikanan, Polis Marin, TLDM dan TUDM untuk mengawal perairan negara Malaysia dari pencerobohan oleh nelayan-nelayan asing di zon ekonomi eksklusif negara ini. Kebanyakan kes-kes pencerobohan ini berlaku di zon ekonomi eksklusif yang mana undang-undang kawalannya belum diluluskan lagi oleh Parlimen.

Mengenai aduan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom, perlu ditekankan di sini bahawa projek ternakan itek ini adalah merupakan projek ala komersel yang pertama anjuran Jabatan Perkhidmatan Haiwan di negeri Selangor. 10 peserta penternak terlibat dalam projek tersebut. Sebelum menyertai projek, mereka telah diberi latihan amali dalam

bidang menternak itek serta makluman secara terperinci dalam semua aspek mengenai skim ini. Jabatan Perkhidmatan Haiwan bertanggungjawab menolong menyediakan prasarana reban dan membantu para penternak bagi mendapatkan bekalan anak itek.

Mengenai bekalan makanan dan pemasaran hasil adalah urusan penternak sendiri. Pembiayaan bernilai \$1,000 adalah melalui pinjaman Bank Pertanian Malaysia. Biaya ini adalah untuk pembelian anak itek dan makanan. Projek ini telah menghadapi beberapa masalah pelaksanaan pada peringkat permulaannya dan di antaranya adalah kekurangan bekalan makanan itek, pengeluaran saiz telur yang berukuran kecil, kejadian banjir dan berlakunya keracunan "afloxin" dalam makanan ternakan.

Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah mengambil beberapa tindakan yang sebolehnya untuk membantu penternak-penternak yang terlibat. Antara tindakan-tindakan yang diambil oleh Jabatan Haiwan adalah dari segi membekalkan makanan ternakan commercial, membeli hasil keluaran ternakan dengan harga yang berpatutan dan membeli balik itek dari penternak yang menarik diri dari projek tersebut.

Menyentuh aduan Ahli Yang Berhormat mengenai lembu tenusu, jika terdapat lembu-lembu tenusu yang kurang mengeluarkan susu, penternak bolehlah melaporkan hal ini kepada pegawai penjaga Pusat Pengumpulan Susu di mana peserta itu tinggal. Pusat Pengumpulan Susu ada mempunyai skim tukaran lembu yang kurang produktif. Lembu-lembu akan diganti setelah disahkan benar-benar kurang produktif.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya telah juga menyentuh tentang cadangan pembinaan Ampangan Gombak. Setakat ini hanya kajian awal telah dibuat. Kerajaan

memang sedar bahawa jika pembinaan Ampangan Gombak dilaksanakan kelak, ini akan melibatkan penduduk-penduduk di persekitaran kawasan tersebut. Dengan yang demikian, sebelum Ampangan ini dibina, kajian yang mendalam perlu dibuat untuk mengambil kira semua aspek sebelum sesuatu keputusan diambil.

Menyentuh kepada saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom mengenai jambu batu dan mangga, antara faktor penting yang mempunyai kesan terhadap pertumbuhan sempurna buah jambu batu dan mangga ialah pembajaan, keperluan air, serangan makhluk perosak dan lain-lain. Amalan 'kontora' seperti jarak tanaman, santasan dan lain-lainnya, masalah buah kontot dapat diatasi jika penjagaan tersebut dijalankan dengan baik. Buah mangga dan jambu batu dapat diproses menjadi air minuman, puri dan ditinkan. Selain dari itu mangga juga dapat dijadikan halwa. Teknologi untuk memproses bahan-bahan ini sudahpun ada di MARDI.

Yang Berhormat juga ada menyentuh mengenai Kilang Kopi FAMA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kilang Kopi FAMA di Banting telah lama ditubuhkan iaitu pada tahun 1973. Kilang ini bukanlah ditubuhkan sebagai mengikuti kilang-kilang swasta sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

Sebenarnya, FAMA menubuhkan kilang ini sebagai usaha untuk memperbaiki pasaran buah-buah kopi yang dihasilkan oleh pekebun-pekebun kopi di daerah Kuala Langat yang merupakan kawasan kopi yang terbesar di Malaysia. Dengan adanya alat-alat memproses kopi seperti serbuk kopi, maka FAMA tidak perlu bergantung kepada pembeli-pembeli swasta untuk memasarkan buah kopi yang dibeli daripada petani-petani. Sejak tertubuhnya kilang kopi ini, FAMA boleh dikatakan telah menjadi pembeli yang

terbesar di negeri Selangor, terutama pada tahun 1981 dan 1982 apabila harga kopi di dunia telah merosot.

FAMA melalui kilang ini telah dapat menstabilkan harga kopi petani-petani dengan membeli hampir 90% pengeluaran kopi di negeri Selangor. Pusat memproses kelapa di Batu Laut pula mempunyai tujuan yang sama iaitu membeli dan memasarkan kelapa dan kelapa kering petani-petani, terutama pada masa pasaran dunia merosot.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas perhatian yang berat terhadap pembangunan sektor pertanian demi untuk meningkatkan lagi taraf hidup dan pendapatan petani-petani dan nelayan-nelayan di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:**  
Kementerian Dalam Negeri.

*4.55 ptg.*

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas segala teguran dan pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian semasa membahaskan Ucapan Belanjawan Negara, 1985. Saya berharap segala teguran dan pandangan-pandangan yang dikemukakan akan disentuhi dalam jawapan saya ini. Sekiranya ada teguran-teguran yang tidak dijawab, terlebih dahulu saya mohon maaf daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Walau bagaimanapun, segala teguran dan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan telah dicatat dan akan diberi perhatian dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator K. Kumaran telah menyentuh mengenai dasar Imigresen termasuk peraturan mengenakan visa

kepada pelawat-pelawat dari India. Kerajaan Malaysia mengenakan peraturan visa ke atas mana-mana warganegara asing sebagai tindakan timbal-balik (reciprocal action) dengan negara tersebut.

Kerajaan Malaysia juga menghapuskan peraturan visa untuk lawatan sosial ke negara ini oleh warganegara dari negara-negara yang mengadakan perjanjian penghapusan visa dengan Kerajaan Malaysia. Amalan ini merupakan amalan yang diterima oleh semua negara yang mempunyai hubungan diplomatik antara satu sama lain termasuklah negara India.

Yang Berhormat Senator K. Kumaran di samping menyentuh mengenai dasar Imigresen termasuk peraturan mengenakan visa kepada pelawat-pelawat dari India, juga mendakwa bahawa pihak Imigresen memberikan kemudahan lawatan sosial hanya seminggu kepada warganegara India. Oleh yang demikian beliau, berharap pihak Kerajaan memberi visa sekurang-kurangnya selama 6 bulan kepada sesiapa yang ingin melawat Malaysia dengan tujuan dan niat yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia mengenakan visa kepada pemegang-pemegang Dokumen Perjalanan India yang ingin melawat Malaysia. Tindakan ini merupakan tindakan timbal-balik antara dua negara. Mengikut amalan sekarang, warganegara India diberi kemudahan lawatan sosial selama satu bulan berikutan dengan kelulusan permohonan visa oleh Atase Imigresen di New Delhi dan di Madras. Kelulusan tersebut dibuat tanpa rujukan kepada Ibupejabat Imigresen Malaysia. Sebarang permohonan visa untuk lawatan ke Malaysia lebih daripada satu bulan, adalah ditimbang oleh Ibupejabat Imigresen Malaysia di Kuala Lumpur.

Kerajaan terpaksa mengamalkan kaedah ini demi menjaga kepentingan negara dan rakyat negara ini di samping

memberi kemudahan sewajarnya kepada pelawat-pelawat dari negara India.

Yang Berhormat Senator K. Kumaran juga telah menyentuh mengenai percetakan dan pagedaran buku-buku yang tidak bermarwah yang boleh menjejaskan nilai-nilai akhlak mulia masyarakat Malaysia. Saya berterima kasih di atas pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator K. Kumaran itu. Kementerian Dalam Negeri memberi perhatian serius dalam perkara ini dan akan mengambil tindakan tegas mengikut kuatkuasa Undang-undang terhadap mana-mana pihak yang melanggar peruntukan yang terkandung dalam Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri di bawah Seksyen 7 Akta tersebut boleh mengharamkan mana-mana buku yang kandungannya adalah prasangka kepada ketenteraman awam, keselamatan negara, akhlak, perhubungan baik Kerajaan Malaysia dengan negara-negara sahabat. Barang siapa yang didapati memiliki penerbitan yang diharamkan adalah melakukan kesalahan dan jika disabit kesalahannya oleh Mahkamah, denda tidak melebihi daripada \$5,000 boleh dikenakan ke atasnya. Mana-mana orang yang mencetak, mengimport, menerbit, menerbit semula, mengeluarkan, menjual dan mengedar penerbitan yang diharamkan adalah melakukan kesalahan. Jika sabit kesalahannya oleh Mahkamah, ia boleh dihukum penjara tidak melebihi 3 bulan atau didenda tidak melebihi \$25,000 atau kedua-duanya sekali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri telah memeriksa sejumlah 289,216 tajuk penerbitan yang diimport pada tahun ini sehingga bulan Ogos. Jumlah naskah yang diperiksa dalam tempoh yang sama adalah 4,732,250 di mana sejumlah 242,486 naskah telah ditahan oleh kerana kandungannya ada prasangka kepada ketenteraman awam, keselamatan negara dan akhlak murni

masyarakat Malaysia. Dalam tahun 1900 ini, Menteri Dalam Negeri telah mengeluarkan perintah mengharamkan sejumlah 30 tajuk penerbitan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Loo Swee Mok menyentuh mengenai kesulitan yang timbul hasil dari dasar-dasar dan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak Imigresen bagi mengeluarkan permit-permit kerja serta untuk memperbaharuihnya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri tidak mengeluarkan permit kerja kepada warganegara asing yang bekerja di negara ini. Sebaliknya permit kerja dikeluarkan oleh Kementerian Buruh kepada warganegara asing yang telah mendapat permit masuk bekerja di Malaysia. Kementerian Dalam Negeri mengeluarkan pas pengajian untuk warganegara asing yang bekerja sama ada dengan Kerajaan ataupun dengan pihak swasta di Semenanjung Malaysia dan di Sarawak. Manakala pas kerja dikeluarkan oleh pihak Kementerian kepada warganegara asing yang bekerja di negeri Sabah. Pengambilan pekerja-pekerja asing untuk bekerja di negara ini ialah langkah sementara yang bertujuan untuk menunggu masa calun-calun tempatan yang layak untuk mengisi jawatan-jawatan yang berkenaan kelak. Oleh yang demikian, pas-pas pengajian atau pas kerja dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat dan keadaan-keadaan yang sesuai dengan hasrat dan cita-cita Kerajaan untuk:-

1. menyalurkan teknologi moden kepada warganegara Malaysia;
2. meningkatkan daya pengeluaran pekerja tempatan;
3. melatih warganegara Malaysia dalam bidang-bidang yang kini masih berkurangan;
4. memberi pengalaman yang secukupnya kepada calun-calun tempatan bagi mengisi jawatan yang akan dikosongkan oleh warganegara asing.

Oleh yang demikian masalah untuk mendapatkan pas-pas kerja dan pas pengajian serta membaharuinya tidak berbangkit memandangkan bahawa pihak Kementerian sentiasa menimbang dengan sikap adil dan liberal sekiranya warganegara asing yang berkenaan memenuhi syarat dan kelayakan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom yang telah menyentuh mengenai kemasukan pendatang haram yang menutup pencarian penduduk-penduduk tempatan. Beliau menyatakan juga bahawa kemasukan pendatang haram telah menimbulkan bermacam-macam gejala buruk seperti rompakan, kecurian dan lain-lain lagi. Sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tetap memandang serius dan mengambil tindakan tegas terhadap pendatang haram tanpa mengira negara asal mereka. Kerajaan perlu mengesan seseorang pendatang haram sebelum ia ditangkap, didakwa di Mahkamah dan dihantar balik ke negara asalnya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi tahun ini sahaja sehingga akhir bulan Jun, Kerajaan telah menangkap dan mengusir keluar 778 orang pendatang haram ke negara-negara asal mereka seperti berikut:

Singapura	17	orang
India	21	"
Indonesia	412	"
Thailand	237	"
Philipina	259	"
Lain-lain	62	"

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom juga telah mendakwa bahawa di Pusat-pusat Pemulihan Dadah terdapat kakitangan yang membekalkan dadah kepada tahanan-tahanan. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya tindakan tegas patut diambil dan pembekal-pembekal dadah ini perlu diambil

tindakan di bawah undang-undang yang tertentu. Setakat yang Kementerian sedar, tiada kakitangan dari Pusat-pusat Pemulihan Dadah yang terlibat dengan membekal dadah kepada tahanan-tahanannya. Kerajaan sedar ada tembakau yang diseludup masuk ke sebuah pusat sahaja dan kakitangan yang terlibat itu telah diambil tindakan tatatertib dan di-berhentikan kerja. Tiada gunanya Kerajaan membelanjakan wang berjuta-juta ringgit dan melibatkan tenaga manusia yang begitu banyak untuk mengendalikan Pusat-pusat Pemulihan Dadah jika terdapat kakitangan yang dapat membekalkan dadah kepada tahanan-tahanan. Lebih baik lagi jika Pusat-pusat itu ditutup sahaja. Sebab itulah Kementerian memandang serius terhadap perbuatan-perbuatan menyeludup barang-barang yang di-haramkan oleh mana-mana kakitangan ke dalam Pusat-pusat Pemulihan dan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang sewajarnya setimpal dengan kesalahan mereka itu termasuk mengambil tindakan tatatertib atau undang-undang ke atas mereka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk James Willie pula telah menyentuh tentang kes jenayah di Sabah akibat penghijrahan pendatang haram. Beliau meminta Kementerian Dalam Negeri bertindak mengawal kemasukan pendatang haram di Sabah untuk mengurangkan mereka dari terus membanjiri negeri Sabah. Pihak Kerajaan sentiasa mengambil berat dan bertindak tegas terhadap mana-mana warganegara asing yang memasuki negara ini secara haram. Kerajaan akan terus mengesan, menangkap, mendakwa serta mengusir keluar warganegara asing yang memasuki negara ini secara haram. Kerajaan juga mengadakan rondaan lebih ketat di perairan Malaysia bagi mencegah kemasukan pendatang haram melalui laut. Tindakan ini dilaksanakan oleh Polis Merin dan

dibantu oleh pihak Tentera Laut Di Raja Malaysia. Di samping itu, anggota Polis Hutan juga mengadakan kawalan di kawasan pantai dan di pulau-pulau yang disyaki menjadi tumpuan pendatang haram. Hasil daripada lawatan Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam ke Sabah baru-baru ini, seramai 300 orang anggota Polis Hutan akan dihantar ke sana sebagai tambahan kepada anggota Polis Hutan yang kini bertugas di Sabah. Dalam pada itu dua buah pesawat udara dari Unit Udara Polis Di Raja Malaysia juga akan ditempatkan di Sabah sebagai tambahan kepada empat buah pesawat udara yang kini berada di Sabah untuk membuat liputan dari udara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Stephen Timothy Wan Ullok telah meminta agar pihak Imigresen bersikap liberal terhadap pelancong-pelancong yang masuk ke negara ini dengan tujuan untuk melancong. Pihak Kerajaan memang bersikap liberal terhadap pelancong-pelancong yang melawat negara ini semata-mata untuk tujuan melancong. Pada hakikatnya Kerajaan memang menggalakkan lebih ramai pelancong-pelancong dari luar negeri mengunjungi negara ini. Oleh yang demikian, Kerajaan telah menandatangani Perjanjian Penghapusan Visa dengan beberapa buah negara semata-mata untuk membolehkan warganegara asing melawat negara ini tanpa visa selama 3 bulan dengan tujuan untuk melancong.

Negara-negara yang terlibat dalam perjanjian penghapusan visa ini termasuklah Jepun, Korea Selatan, Sweden, Norway, Jerman Barat, Finland, Denmark dan Belgium. Di samping memberi kemudahan-kemudahan seperti yang saya sebutkan tadi serta bersikap liberal terhadap pelancong-pelancong dari luar negeri, Kerajaan tetap bersikap tegas dalam melaksanakan Undang-undang Imigresen. Dengan ini bermaknalah bahawa apabila dikesan pelancong-pelancong luar atau warganegara asing

telah melanggar syarat-syarat pas lawatan yang dikeluarkan pada mereka, Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang setimpal dengan kesalahan yang mereka lakukan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya telah menyentuh mengenai akhbar-akhbar yang menimbulkan keraguan, memandangkan bahawa banyak usaha-usaha Kerajaan demi memberi manfaat untuk faedah rakyat tidak mendapat kepujian dalam liputan akhbar-akhbar tersebut, beliau menggesa supaya perkara ini diperbetulkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ingin saya tegas-kan di sini bahawa Kerajaan memang mengamalkan sikap liberal dalam aspek pentadbiran pada masa ini, termasuklah bidang persuratkhabaran. Sebagai sambutan pihak akhbar terhadap sikap liberal Kerajaan, mereka dikehendaki menghormati sikap liberal Kerajaan dengan cara membuat liputan dan siaran dalam akhbar mereka secara bertanggungjawab dan dengan perasaan accountability di atas liputan mereka itu. Pihak Kerajaan tidak bercadang untuk mengarah atau mensyaratkan akhbar-akhbar semata-mata membuatkan berita-berita yang memuji tindakan dan pelaksanaan Kerajaan. Sebaliknya Kerajaan berhasrat untuk melihat akhbar-akhbar menunjukkan kematangan dalam persuratkhabaran dengan membuat liputan dan menyiarkan berita-berita secara objektif dan bertanggungjawab demi membangun dan membentuk daya pemikiran positif di kalangan masyarakat pembaca. Dalam pada itu pihak Kerajaan sentiasa mengawasi kegiatan akhbar supaya sebarang liputan atau penyiaran yang dibuat itu tidak akan menjejaskan kepentingan-kepentingan keselamatan negara, ketenteraman awam, nilai-nilai akhlak dan perhubungan baik Malaysia dengan negara-negara sahabat. Sekiranya mana-mana akhbar yang melanggar peruntukan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984,

tindakan sewajarnya akan diambil terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh meminta Kementerian Dalam Negeri mengawasi kemasukan rakyat Nepal yang datang ke Malaysia atas pas lawatan untuk tujuan perniagaan. Beliau juga berharap supaya Kementerian mengawasi kemasukan warganegara dari negara-negara jiran yang datang bukan sahaja untuk mencari pekerjaan, tetapi melibatkan diri dalam kegiatan jenayah seperti merompak, mencuri dan lain-lain lagi. Di samping itu beliau menyatakan ada juga yang datang ke negara ini dengan tujuan untuk melacur. Justeru itu beliau menyarankan supaya perkara ini harus disekat untuk menjaga maruah anak-anak muda mudi kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah dan akan mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang terhadap mana-mana warganegara asing yang menyalahgunakan pas lawatan yang dikeluarkan kepada mereka semasa berada di negara ini. Pihak Kerajaan sentiasa mengawasi tingkahlaku warganegara asing yang memasuki Malaysia secara sah dan mengambil tindakan di bawah Undang-undang Imigresen, sekiranya mereka didapati menyalahgunakan pas lawatan mereka. Mereka boleh didakwa di mahkamah dan jika sabit kesalahan oleh mahkamah mereka boleh didenda tidak melebihi \$2,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali, di samping itu mereka juga akan diusir keluar dari Malaysia.

Sukacitalah saya menyatakan di sini bahawa sepanjang tahun 1983 sehingga 19hb November tahun ini, pihak Kerajaan telah mengesan dan mengusir 317 orang warganegara asing kerana menyalahgunakan pas lawatan yang dikeluarkan kepada mereka, manakala 113 orang telah diambil tindakan yang

sama kerana didapati melacur di negara ini.

Kerajaan tidak akan bertolak-ansur terhadap mana-mana jua negara asing tanpa mengira negara asal mereka yang melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang Malaysia semasa mereka berada di negara ini. Dalam pada itu Kerajaan tetap akan bersikap bertimbang rasa dan liberal terhadap mana-mana pelawat dari luar negeri atau warganegara asing yang berada di negara ini sentiasa menghormati dan mematuhi undang-undang negara ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Jaafar bin Harun telah menyentuh mengenai keselamatan penduduk di Rancangan FELDA kerana tidak ada anggota keselamatan ataupun Balai Polis di kawasan tersebut. Beliau memberi contoh Rancangan FELDA di daerah Bahau, Negeri Sembilan di mana hanya 3 skim FELDA sahaja yang mempunyai pondok Polis daripada sejumlah 33 skim FELDA di kawasan tersebut. Oleh itu beliau meminta Kementerian Dalam Negeri mengadakan pondok Polis di kawasan Rancangan FELDA demi keselamatan penghuni-penghuni tersebut.

Penubuhan pondok Polis baik di bandar, di luar bandar ataupun di skim FELDA adalah berdasarkan kepada faktor-faktor seperti berikut:

1. Jumlah penduduk.
2. Jarak pondok dari Balai Polis iaitu parent station, dengan izin.
3. Banyaknya kejadian jenayah.
4. Ancaman keselamatan.
5. Luas kawasan.

Semua faktor-faktor ini adalah diambil-kira sebelum balai atau pondok Polis dirancang untuk ditubuhkan. Namun demikian lain-lain constraint, seperti keperluan tapak tanah dan rumah, kewangan, keanggotaan, kemudahan-kemudahan untuk keluarga anggota yang bertugas seperti sekolah dan

infrastruktur yang lain juga dititikberatkan untuk pertimbangan.

Setakat ini 3 buah pondok Polis telahpun ditubuhkan di kawasan skim FELDA di daerah Bahau khususnya di FELDA, skim Palong. Mengikut rancangan akan datang 5 buah lagi pondok akan ditubuhkan iaitu 3 di kawasan Palong manakala dua lagi di Serting, tetapi sepertimana kita semua sedia maklum adalah tidak wajar bagi tiap-tiap skim FELDA ditubuhkan pondok Polis kerana ianya akan memerlukan kewangan dan perbelanjaan serta keanggotaan yang banyak. Selain dari itu kebanyakan daripada skim-skim FELDA telah ditubuhkan Pasukan Keselamatan yang diberi nama FELSECO, di mana anggota-anggota FELSECO diberi kuasa Polis bantuan. Kawasan Jempol telah mempunyai skim ini yang beribu pejabat di Bukit Rokan. Oleh yang demikian adalah didapati kawalan keselamatan untuk semua pihak iaitu Polis dan FELSECO sudah memadai untuk menentukan keselamatan dan keselesaan penduduk-penduduk atau penghuni FELDA di kawasan yang tersebut, tambahan pula belum lagi ada maklumat-maklumat yang menggambarkan ancaman keselamatan di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hafsa binti Othman telah melahirkan simpati kepada pihak Polis kerana kereta-kereta peronda tidak cukup atau uzur, tetapi berasa bangga sungguhpun dalam keadaan demikian masih membuat rondaan. Beliau mencadangkan supaya kereta-kereta peronda ditambah dengan cukup ataupun jika tidak cukup peruntukan menukar sahaja kereta peronda kepada motosikal peronda. Peruntukan kereta peronda yang diluluskan oleh agensi pusat ialah sebanyak 578 buah, manakala kekuatan yang ada sekarang ialah sebanyak 462 buah sahaja. Kekurangan kenderaan yang wujud dari kelulusan asal ialah sebanyak 116 buah, ini adalah kerana pembelian tambahan yang dirancangan dalam

Rancangan Malaysia Keempat tidak dapat dilaksanakan, oleh kerana kemerosotan ekonomi. Dari jumlah 462 buah kereta peronda yang ada sekarang, 260 buah daripadanya telahpun diganti dengan kereta yang baru, manakala bakinya sebanyak 202 buah akan diganti dalam tahun 1986, insya Allah.

Kebanyakan kereta-kereta yang dirancangan untuk gantian telah berumur di antara 5 hingga 7 tahun. Oleh sebab keadaan ekonomi juga, gantian yang lebih awal tidak dapat dirancangan. Rancangan untuk menambah bilangan kereta peronda ke jumlah yang diluluskan telahpun dirancangan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Tugas rondaan boleh dilaksanakan dengan menggunakan motosikal, tetapi dengan secara terhad sahaja oleh kerana liputan rondaan berkereta adalah lebih luas serta lengkap dengan alat-alat perhubungan. Kemampuan kereta rondaan dalam sesuatu keadaan kecemasan tidak boleh diambil alih oleh rondaan bermotosikal.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam negeri mengucapkan berbilang terima kasih di atas sokongan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh kerana telah menyokong di atas tindakan Kerajaan yang telah mengeluarkan Kertas Puteh baru-baru ini. Dalam ucapannya, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ariffin juga telah bertanya apakah tindakan-tindakan lain yang akan dibuat khususnya oleh Kementerian Dalam Negeri berasaskan kepada Kertas Puteh yang berkenaan. Kerajaan telah berjaya mengesan dan mendedahkan kegiatan-kegiatan golongan pelampau agama dan pertubuhan-pertubuhan politik yang memeralatkan agama untuk kepentingan mereka melalui Kertas Puteh yang dikeluarkan oleh Kerajaan baru-baru ini. Kerajaan sentiasa terus memerhati kegiatan-kegiatan golongan tersebut dan jika sekiranya kegiatan-kegiatan mereka boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan

negara, Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas di bawah peraturan-peraturan dan undang-undang yang ada. Di samping itu, adalah diharapkan bahawa Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama masing-masing akan mengambil tindakan mendakwa mereka yang didapati menjalani kegiatan yang boleh menjejaskan perpaduan umat Islam di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam bagi negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood meminta supaya kenaikan gaji anggota-anggota Polis akan diberi perhatian, di samping itu soal keselesaan rumah-rumah anggota Polis hendaklah juga diberi perhatian. Kerajaan sentiasa mengkaji kedudukan gaji dan keselesaan rumah-rumah anggota Polis dari semasa ke semasa, bagaimanapun Yang Berhormat Senator tentulah faham akan kedudukan kewangan negara pada masa ini kerana soal kenaikan gaji ini adalah satu soal yang rumit dan ia memerlukan perbelanjaan yang besar. Perkara kenaikan gaji dan keselesaan rumah anggota Polis ini sentiasa mendapat perhatian Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Nen Abidah pula meminta supaya pihak Polis bertolak ansur semasa mengenakan denda akibat dari perangkap-perangkap laju. Soal tolak ansur semasa mengenakan denda ataupun kompaun tidaklah timbul kerana jika terlalu banyak tolak ansur, maka pemandu-pemandu akan memandang ringan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan jalan raya. Jika ia berlaku, maka tentulah lebih banyak nyawa lagi akan hilang disebabkan kemalangan-kemalangan jalan raya. Yang Berhormat Senator Puan Nen Abidah tentu faham iaitu kelalaian dan kelajuan di jalan raya boleh membunuh.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji

Mohamed bin Yahya selain daripada menyentuh mengenai pendatang-pendatang haram yang menjalankan kegiatan merompak dan membunuh, juga menyentuh soal mengenai video lucah dan meminta supaya tindakan diambil menggubal undang-undang yang sama kuat dengan dadah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada masa ini pihak Kementerian sedang mengkaji Undang-undang Penapisan Filem dengan tujuan untuk mengemaskinikan peruntukan-peruntukan di dalamnya supaya kawalan yang lebih rapi dan berkesan dapat dibuat terhadap filem wayang gambar, video dan piring-piring video memandangkan bahawa teknologi video dan perfileman kini sedang pesat membangun. Di samping itu, tindakan berhubung dengan penerbitan video lucah juga perlu diambil bukan sahaja terhadap penonton, penjual, pemilik-pemilik, penerbit video dan filem lucah, tetapi juga terhadap mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pengeluaran video tersebut, seperti pelakon, jurugambar dan lain-lain yang berkenaan. Setakat ini bagi tahun 1984, hingga 15hb Oktober, 1984 sebanyak 3 buah filem lucah dan 222 buah pita video lucah telah dirampas dari pekedai-pekedai dan pengusaha-pengusaha pusat video dan pawagam di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed bin Yahya juga meminta pihak Polis mengadakan rondaan yang lebih kerap di jalan raya bagi mengambil tindakan bukan sahaja terhadap pemandu motosikal, tetapi juga pemandu bas dan lori yang memandu terlalu laju. Pihak Polis, khususnya Cawangan Lalulintas sentiasa mengadakan rondaan yang kerap di jalan-jalan raya supaya pemandu-pemandu mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan jalan raya. Pihak Polis tidak hanya menumpu kepada penunggang-penunggang motosikal, tetapi tindakan-tindakan

juga diambil terhadap pemandu-pemandu kenderaan lain yang melanggar undang-undang dan peraturan-peraturan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim dalam ucapannya meminta supaya tindakan lebih tegas diambil kepada pengusaha Loteri Empat Ekor haram. Yang Berhormat juga mengesyorkan supaya digunakan Undang-undang ISA bagi membentasi kegiatan pengusaha-pengusaha ini kerana perintah buang daerah ataupun kediaman terhad yang dikenakan pada masa ini tidak berkesan. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Polis sentiasa mengambil tindakan tegas kepada pengusaha-pengusaha loteri haram. Mereka yang terlibat boleh dikenakan perintah sekatan bawah Akta Kediaman Terhad selama sehingga 5 tahun. Kerajaan yakin tindakan yang diambil sekarang ini adalah memadai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang meminta supaya pembinaan rumah pasangsiap bagi Kem Pasukan Polis Hutan Batalion Ke 7 di Tampin dapat disegerakan dan anggota yang kini tinggal di Jalan Pekeliling di tempatkan semula di kem tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telahpun merancang untuk membina sebuah Kem Pasukan Polis Hutan Batalion Ke 7 di Tampin, tetapi tapak yang ada sekarang seluas 23 ekar tidak mencukupi untuk pembinaan sebuah Kem Pasukan Polis Hutan. Pada masa ini hanya satu Kompeni, iaitu 200 orang anggota sahaja yang dapat ditempatkan di tapak tersebut. Memandangkan tapak yang ada sekarang ini tidak mencukupi, usaha sedang dibuat untuk mendapatkan satu tapak baru yang lebih sesuai.

Yang Berhormat Senator Datuk Ishak bin Abdul Rahman meminta supaya pusat-pusat pemulihan dadah dapat diperbaiki supaya dapat memberi keadaan yang lebih selesa kepada

penghuni-penghuni. Yang Berhormat juga meminta supaya pegawai sementara yang bertugas di pusat-pusat ini diserapkan ke jawatan tetap kerana khidmat mereka amat diperlukan. Kementerian memang sedar bahawa ada beberapa pusat pemulihan dadah sekarang yang kurang selesa kerana telah diubahsuaikan bangunan-bangunan lama, seperti Pusat Serenti Tampin yang telah diubahsuaikan daripada Kem Polis Hutan Tampin. Begitu juga dengan pusat-pusat pemulihan yang lain, seperti di Besut yang telah diubahsuaikan daripada sebuah hospital lama, di Bukit Mertajam dan di Tampoi yang telah diubahsuaikan dari rumah bagi pesakit melarat, dengan izin, 'Home for the cronically ill'. Walau bagaimanapun, Kementerian sudah dan sedang mengambil tindakan sewajarnya untuk memberi apa-apa kemudahan yang munasabah dengan tidak menjejaskan konsep pemulihan, dengan izin, 'tough and rugged' yang diamalkan sekarang.

Mengenai pegawai-pegawai sementara yang bertugas di pusat-pusat pemulihan dadah sekarang ini, mereka sebenarnya adalah jurulatih sambilan, dengan izin, 'part-time instructors' yang diambil bertugas secara sambilan sahaja, sementara jawatan-jawatan tetap yang kosong itu diisikan. Jika jurulatih-jurulatih sambilan berkenaan mempunyai kelayakan yang tertentu, mereka juga boleh memohon jawatan-jawatan yang kosong itu apabila diiklankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini menerangkan dengan serba ringkas program-program dan aktiviti-aktiviti yang telah diatur oleh Kementerian Dalam Negeri untuk membantu penagih-penagih dadah membolehkan mereka diterima balik ke pangkuan masyarakat. Usaha membolehkan penagih dadah diterima balik oleh masyarakat tidaklah bergantung kepada satu-satu program tertentu sahaja. Ianya bergantung kepada seluruh

program yang dilaksanakan oleh Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri. Penerimaan kembali masyarakat terhadap penagih dadah merupakan matlamat akhir Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah. Oleh itu program-program yang diadakan itu diatur supaya dapat menuju ke matlamat ini. Kesungguhan masyarakat untuk menerima kembali penagih dadah adalah bergantung kepada beberapa faktor iaitu sikap dan kebolehan penagih dadah sendiri dan sikap masyarakat. Penagih dadah dikatakan mempunyai sikap atau kelakuan yang anti sosial. Oleh itu untuk mendapatkan kepercayaan masyarakat maka penagih dadah perlulah mengubah sikap yang anti sosial kepada sikap yang dapat diterima oleh masyarakat.

Untuk mengubah sikap penagih-penagih dadah, Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah telah menyediakan program perkhidmatan luar dan program perkhidmatan institusi. Dalam program perkhidmatan institusi sikap penagih dadah dipulihkan melalui aktiviti runding cara, pelajaran agama, pelajaran tatanegara, disiplin diri dan lain-lain. Dalam program perkhidmatan luar pula pegawai-pegawai pemulih akan cuba mengubah sikap penagih dadah yang diletakkan di bawah pengawasan dan jagaan lanjutan melalui aktiviti runding cara, menggalakkan penagih dadah menyertai aktiviti berfaedah dan menggalakkan mereka memasuki persatuan-persatuan seperti kelab-kelab belia, kebajikan agama dan sukan. Kesemua aktiviti ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada penagih dadah betapa perlunya mereka mengubah sikap yang anti sosial di samping mempelajari dan mengamalkan sikap-sikap serta nilai-nilai yang positif.

Penerimaan masyarakat juga bergantung kepada kemampuan penagih dadah menunjukkan kebolehan melaksanakan tanggungjawab yang diberi kepadanya setanding dengan

anggota masyarakat yang lain. Untuk tujuan itu Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah menyediakan latihan kemahiran seperti pertukangan kayu, elektronik, pertanian, kimpalan, motor mekanik, menerap bata, gunting rambut dan sebagainya. Latihan-latihan tersebut bertujuan untuk membolehkan penagih bertanding di pasaran buruh terbuka apabila dibebaskan dari pusat.

Kejayaan usaha mengembalikan penagih dadah ke dalam pangkuan masyarakat bergantung kepada sikap masyarakat itu sendiri. Walaupun apa usaha dijalankan oleh Kerajaan untuk memulihkan dan meningkatkan kebolehan penagih dadah ini mungkin tidak akan mencapai matlamatnya sekiranya masyarakat masih mempunyai prejudis terhadap mereka.

Bagi mengubah sikap atau pandangan masyarakat ini Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah melaksanakan beberapa aktiviti dan program-program tertentu:-

1. Menubuhkan Jawatankuasa Pemulihan Dadah. Ahli-ahli Jawatankuasa Pemulihan Dadah dilantik dari anggota masyarakat setempat yang bersetuju memberi khidmat sukarela. Mereka ini terlibat secara dekat dan mengetahui kemajuan yang dicapai dalam pemulihan seseorang penagih. Dengan itu mereka dapat mempengaruhi masyarakat umum untuk menerima balik bekas-bekas penagih dadah.
2. Menarik penyertaan organisasi setempat dalam usaha pemulihan. Bahagian Rawatan dan Pemulihan juga telah dapat menarik penyertaan organisasi setempat seperti Rukun Tetangga dalam usaha-usaha pemulihan. Dengan cara ini ahli-ahli Rukun Tetangga juga dapat mengenali penagih dadah secara dekat dan dapat memahami bahawa penagih dadah boleh dipulihkan menjadi

anggota masyarakat yang produktif dan berguna. Oleh itu mereka boleh mendorong masyarakat menerima bekas penagih dadah berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti sosial dan ekonomi setempat.

Program yang saya sebutkan tadi adalah bertujuan untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa bekas penagih dadah boleh melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka sebagaimana anggota masyarakat yang lain sekiranya mereka diberi peluang. Melalui program ini bekas penagih-penagih dadah yang masih dalam tempoh pemulihan diletakkan di tempat-tempat pekerjaan. Jika mereka menunjukkan prestasi kerja yang baik mereka akan diserapkan sebagai pekerja tetap di akhir tempoh pemulihan mereka. Program dan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di atas tadi dilaksanakan di peringkat institusi dan di peringkat perkhidmatan luar oleh Kerajaan dan ada kait mengait dan tidak boleh diasingkan peruntukannya. Pada keseluruhannya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian peruntukan yang diluluskan bagi Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri bagi tahun 1984 ialah sebanyak \$6,235,000.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh teguran Yang Berhormat Senator Hassan bin Nam yang meminta supaya Jabatan Orang Asli melaksanakan segala projek yang telah ditangguhkan akibat dari kemelesetan ekonomi, inginlah saya menyatakan di sini bahawa pihak Kementerian sedang dan telah melaksanakan segala projek-projek pembangunan yang dirancangkan dari masa ke semasa bagi kepentingan Orang-orang Asli. Setakat ini Kerajaan berpuas hati dengan tahap kemajuan pelaksanaan projek-projek yang dirancangkan. Insya Allah dengan adanya peruntukan tambahan kelak projek-projek yang telahpun ditangguhkan akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun berucap dan memberi cadangan-cadangan yang amat berguna untuk dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri, insya Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kementerian Kewangan.

5.37 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu merakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Belanjawan 1985 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Saya juga ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas segala teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang membina yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bersabit dengan dasar-dasar ekonomi dan kewangan negara. Saya memberi jaminan bahawa pihak Kerajaan akan meneliti segala teguran-teguran dan cadangan-cadangan itu dan akan melaksanakannya di mana ianya didapati berfaedah kepada negara dan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menekankan tentang keutamaan peruntukan yang harus diberi kepada projek-projek yang memberi kemudahan infrastruktur di luar bandar dan projek-projek yang dapat mengurangkan kadar kemiskinan. Berhubung dengan ini sukalah saya menegaskan sekali lagi bahawa Kerajaan memang sentiasa meletakkan keutamaan yang tinggi dalam menyediakan peruntukan bagi projek-projek seumpama itu terutamanya projek-projek bekalan air, elektrik dan jalan raya di luar bandar.

Suka juga saya menyatakan di sini bahawa langkah-langkah pencapaian

matlamat penyediaan infrastruktur dan pembasmian kemiskinan ini adalah merupakan langkah-langkah yang dijalankan secara berperingkat-peringkat dan berterusan sesuai dengan keadaan dan kemampuan kewangan Kerajaan. Kerajaan memang sedar hakikat bahawa pelaksanaan projek-projek ini adalah penting bagi kesejahteraan dan keutuhan negara. Dengan itu Kerajaan akan sentiasa memberi perhatian yang berat ke atas perkara ini. Kerajaan bersedia menimbangkan peruntukan tambahan sekiranya peruntukan yang disediakan itu didapati tidak mencukupi dan perlu ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan mengadakan pembangunan yang seimbang di seluruh negara. Bagi mencapai tujuan ini Kerajaan seberapa boleh telah memberi peruntukan yang wajar kepada negeri-negeri. Oleh hal yang demikian maka itu terdapat kedudukan di mana setengah-setengah negeri mendapat peruntukan yang lebih sedikit kerana negeri-negeri berkenaan masih lagi berkurangan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan tertentu. Adalah diharapkan dengan cara ini perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan dapat sama-sama dinikmati oleh rakyat di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli-ahli Yang Berhormat menyuarakan kebimbangan atas kedudukan hutang negara. Kerajaan memang sentiasa mengawasi keadaan ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini pinjaman adalah dibuat untuk membiayai projek-projek pembangunan yang akan menguntungkan dan mendatangkan faedah jangka panjang oleh itu beban hutang ini hendaklah dianggap sebagai pelaburan negara untuk menjamin pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Walau bagaimanapun Kerajaan sentiasa berhati-hati di dalam membuat sesuatu pinjaman untuk memastikan ianya membawa faedah dan negara tidak menghadapi masalah beban hutang lebih daripada keupayaannya.

Memandangkan negara kita mengamalkan sistem ekonomi terbuka, maka sebahagian besar dari hasil negara adalah diperolehi dari sumber eksport. Oleh itu soal tinggi dan rendahnya harga barangan eksport negara adalah bergantung kepada keadaan permintaan dan bekalan di pasaran dunia dan dipengaruhi oleh keadaan ekonomi antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat mengawal dan mempengaruhi seluruhnya harga-harga pasaran barangan eksport negara kita ini. Oleh itu langkah-langkah tertentu sahaja kita dapat lakukan dan dengan ini kita telah mengambil beberapa langkah tersebut untuk mempengaruhi sedikit sebanyak suasana pasaran. Seperti termaklum negara kita telahpun menyertai perjanjian-perjanjian perdagangan tertentu menjadi ahli kumpulan ataupun persatuan pengeluar barang-barang tertentu, berusaha meluaskan pasaran barang kita dan seterusnya menggalakkan peningkatan mutu barangan eksport.

Tuan Yang di-Pertua, di samping meningkatkan pendapatan eksport Kerajaan juga berusaha menggalakkan pelaburan di negara kita ini. Langkah-langkah tertentu telahpun diambil untuk mencapai matlamat ini. Pada masa ini banyak insentif-insentif pelaburan yang telah diadakan dan ini termasuklah perubahan-perubahan cukai yang telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Pada keseluruhannya Kerajaan bersedia untuk menimbang dan memberi insentif-insentif jika industri-industri yang baru ini dapat memberi faedah bukan sahaja dari segi menambah pekerjaan dan pendapatan eksport negara tetapi juga menambah kepakaran dan teknologi yang boleh meningkatkan daya pengeluaran negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap urusan dan pentadbiran kewangan negara. Langkah-langkah telah dan sedang diambil untuk mengukuhkan

aturcara pengurusan kewangan dan mencegah penyelewengan. Adalah menjadi dasar Kerajaan memastikan bahawa kelemahan pengurusan kewangan diatasi bagi meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan menjamin kestabilannya.

Selaras dengan ini Kerajaan telah juga mengambil tindakan mengawasi aktiviti-aktiviti Agensi di Luar Belanjaan yang dikenali sebagai Off Budget Agencies, dengan izin, ataupun OBA. Walau bagaimanapun kita perlu mengiktiraf bahawa pada keseluruhannya aktiviti-aktiviti agensi ini telah memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara terutama sekali dalam usaha mempercepatkan perkembangan sektor perindustrian negara.

Buat kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam perutusan Belanjawannya kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Menteri Kewangan telah memaklumkan keadaan ekonomi negara yang kini mulai pulih dari kesan-kesan kemelesetan ekonomi dunia. Marilah kita bersama-sama bekerjasama dan berusaha untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran negara demi mencapai kemajuan dan kesejahteraan rakyat, insya Allah niat dan hasrat murni ini akan dimakbulkan Allah subhanahu wataala.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1985 telah dibincangkan tanpa pindaan, maka saya mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibaca pada kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.50 ptg.*

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta Cukai Pendapatan, 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Ordinan Setem 1949, Ordinan Setem (Sabah), Ordinan Setem (Sarawak), Enakmen Duti Harta Pesaka 1941, Ordinan Duti Harta Pesaka (Sabah), Ordinan Duti Harta Pesaka (Sarawak) dan Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1980 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali kedua sekarang.

Pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang dibuat dalam Belanjawan 1985 yang telah dikemukakan dalam

Ucapan Belanjawan di Dewan yang mulia ini pada 19hb Oktober baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mohon memberi penjelasan tentang beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Fasal 4 meminda seksyen 3A Akta Cukai Pendapatan, 1967 supaya menaikkan had franking untuk cukai keuntungan lebih berkenaan dengan orang individu dari \$100,000 kepada \$300,000. Pindaan juga dibuat untuk menghapuskan pengenaan cukai keuntungan lebih atas barangan tertentu yang dibuat kepada orang bukan pemastautin.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 4A Akta bagi membolehkan bayaran yang dibuat kerana menyewa filem wayang gambar dikecualikan dari cukai pendapatan oleh kerana bayaran ini telah dikenakan duti sewa filem.

Fasal 6 meminda Seksyen 6A Akta untuk mengkhususkan rebate cukai kepada seseorang individu yang mempunyai pendapatan dikenakan cukai tidak melebihi \$10,000. Bagi isteri yang memilih taksiran secara berasingan, syarat-syarat yang sama adalah digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, masa kini kemudahan tambang percuma yang tidak dikenakan cukai adalah dihadkan kepada sekali sahaja bagi perjalanan di antara Malaysia dan negara-negara tempat di luar Malaysia dan tiga perjalanan di dalam Malaysia dalam mana-mana tahun kalendar. Fasal 7 bertujuan menentukan bahawa kemudahan tambang percuma tersebut hanya boleh dinikmati apabila tiket bagi perjalanan itu adalah dikeluarkan oleh syarikat penerbangan kebangsaan Malaysia atau apabila lawatan-lawatan secara kumpulan diambil, destinasi-destinasi terjauh sekali dari Malaysia dan ke Malaysia yang diliputi oleh syarikat penerbangan kebangsaan

hendaklah dibuat dengan menaiki syarikat penerbangan kebangsaan.

Di bawah Seksyen 36 Akta Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berkuasa mengarahkan supaya layanan khusus diberi dalam penghitungan pendapatan perniagaan dengan hal-hal tertentu. Fasal 9 bercadang meminda seksyen ini supaya transaksi pajakan berhubung dengan harta alih dimasukkan ke dalam seksyen ini. Berikutan dari pindaan ini Ketua Pengarah melalui Gezet akan berkuasa meletakkan garis panduan berhubung dengan transaksi pajakan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 10 bercadang meminda seksyen 39 Akta yang menurutnya "amu" sewa yang dibayar bagi kenderaan motor sewa yang dibenarkan sebagai potongan tidaklah melebihi perbelanjaan kelayakan bagi kenderaan motor yang akan dihadkan kepada \$25,000.

Fasal 11 meminda subseksyen 6 seksyen 44 Akta yang bertujuan membenarkan potongan cukai untuk segala dermaan dalam bentuk wang tunai yang dibuat kepada pihak berkuasa tempatan. Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 48 Akta supaya "relief" untuk anak-anak adalah pada kadar \$650 dan \$750 bagi anak yang pertama dan kedua dan \$800 tiap-tiap seorang bagi tiga orang anak seterusnya.

Fasal 13 meminda seksyen 54A Akta yang bertujuan memastikan bahawa pengecualian cukai yang diberi kepada industri perkapalan, hanya dinikmati oleh pemastautin yang mengendalikan kapal-kapal Malaysia yang tertentu sahaja.

Fasal 15 meminda Jadual 1 kepada Akta yang bertujuan mengubah kadar-kadar cukai pendapatan berkenaan dengan orang-orang individu. Kini kadar-kadar cukai bagi seseorang individu yang bermastautin di Malaysia ini ialah di antara 6% bagi pendapatan dikenakan cukai yang pertama sebanyak \$2,500 hingga 55% bagi

pendapatan dikenakan cukai melebihi \$100,000. Kadar baharu yang dicadangkan ialah 5% bagi \$2,500 yang pertama hingga 40% bagi pendapatan yang dikenakan cukai melebihi \$100,000.

Fasal 16 dan 18 menyentuh tentang kedudukan perbelanjaan mencarigali.

Fasal 18 bertujuan meminda Jadual 4 kepada Akta tersebut supaya seseorang diberi pilihan menuntut perbelanjaan mencarigali sama ada secara potongan dari pendapatan agregat apabila usaha mencarigali telah gagal. Seseorang yang memilih potongan tahunan apabila projeknya berjaya, kesemua perbelanjaan itu akan dicampur dengan pendapatan agregat itu tetapi elaun melombong pula akan diberi menurut Jadual 2 kepada Akta ini.

Fasal 16 meminda perenggan 2 Jadual 2 kepada Akta yang bertujuan memastikan bahawa tiada apa-apa elaun melombong diberikan di bawah Jadual jika sekiranya perbelanjaan mencari-gali yang dibenarkan sebagai potongan tidak dicampur kembali dengan pendapatan agregat apabila projek telah berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 17 bertujuan meminda perenggan 2 Jadual 3 kepada Akta supaya menaikkan "amuian" perbelanjaan kelayakan bagi maksud elaun modal berkenaan dengan kenderaan motor dari \$15,000 kepada \$25,000.

Fasal 19 bertujuan membuat beberapa pindaan kepada Bahagian 1 Jadual 6 kepada Akta. Fasal itu bercadang meminda perenggan 1A supaya pengecualian cukai pendapatan diberi kepada emolumen rasmi bagi Permaisuri kepada seseorang Raja Negeri yang mempunyai gelaran "Raja Permaisuri". Fasal itu seterusnya bercadang memasukkan satu peruntukan baharu ke dalam perenggan 30 iaitu menghadkan pengecualian cukai ke atas pencen kepada satu pencen yang tertinggi di antara beberapa pencen yang dinikmati oleh seseorang itu.

Fasal itu juga bertujuan meminda perenggan 32 supaya had pengecualian cukai ke atas royalty yang berpunca dari terbitan apa-apa karya sastera atau kerja berseni dinaikkan dari \$3,000 kepada \$6,000.

Fasal itu selanjutnya mencadangkan kemasukan satu perenggan baharu iaitu 32A yang bertujuan memberi pengecualian cukai kepada pendapatan sebanyak \$3,000 yang diperolehi dari kerja terjemahan yang dibuat atas permintaan khusus dari agensi Kerajaan tertentu. Walau bagaimanapun, jika sekiranya pembayaran ini merupakan sebahagian daripada emolumen rasmi seseorang penterjemah itu maka pengecualian cukai tidak akan diberi.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 21 bertujuan meminda seksyen 13 Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 supaya menghapuskan cukai pembangunan sebanyak 5% yang dilevikan ke atas bayaran-bayaran tertentu yang dibuat kepada bukan pemastautin.

Kini seseorang selain dari orang individu yang bukannya seseorang warganegara dan bukannya seseorang pemastautin tetap apabila menjual hartanya boleh dikenakan cukai di mana tempoh perolehan harta itu telah melebihi 6 tahun tidak akan dikehendaki cukai keuntungan harta tanah.

Fasal 23 bertujuan meminda Jadual 5 kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 supaya harta yang dijual oleh syarikat selepas tahun keenam dari tarikh perolehan harta itu akan tertakluk kepada cukai keuntungan harta tanah sebanyak 5%.

*Fasal 25 sehingga 33* adalah berkaitan dengan pindaan ke atas peruntukan Ordinan Setem 1948.

*Fasal 25 hingga 33 (c)* bertujuan untuk memperkemas pentadbiran Duti Setem dan menyelaraskan pengenaan duti ke atas suratcara tertentu.

Fasal 33 (d) mencadangkan supaya

polisi insurans nyawa di mana jumlah yang diinsuranskan tidak melebihi \$5,000 dikecualikan dari duti setem.

Masa kini hadiah-hadiah yang diberi secara *inter vivos* oleh si mati dalam tempoh 5 tahun sebelum kematiannya adalah disifatkan menjadi sebahagian daripada pusakanya bagi maksud Duti Harta Pusaka. Fasal 49 bertujuan menambah tempoh ini kepada tujuh tahun. Ini meliputi hadiah yang diberi melalui penyelesaian perkahwinan.

Fasal 61 mencadangkan supaya Seksyen 4 Akta Kewangan (Duti Harta Pusaka) 1980 yang dibenarkan potongan kerana perbelanjaan pengurusan mayat dihapuskan oleh kerana hak pengecualian telah dinaikkan.

Fasal 62 dan 63 meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Akta yang bertujuan menaikkan had pengecualian dari \$600,000 kepada \$2 juta bagi seseorang yang mati berdomisil di negara ini dan dari \$120,000 kepada \$400,000 bagi seseorang yang mati dan tidak berdomisil di negara ini. Kadar-kadar duti juga diubah dari 12% hingga 60% dan 5% hingga 60% masing-masing kepada 5% dan 10% untuk semua.

Lain-lain Fasal adalah merupakan pindaan-pindaan yang diperlukan bagi melengkapkan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Dr. James Peter Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Ordinan Setem 1949, Ordinan Setem (Sabah), Ordinan Setem

(Sarawak), Enakmen Duti Harta Pusaka 1941, Ordinan Duti Harta Pusaka (Sabah), Ordinan Duti Harta Pusaka (Sarawak) dan Akta Kewangan (Duti Harta Pusaka) 1980 dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.04 *ptg.*

**Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas Rang Undang-undang ini. Saya tidak berniat untuk bercakap panjang atas masalah Rang Undang-undang ini tetapi saya suka menarik perhatian kepada Menteri Kewangan bahawa sebagaimana yang saya nampak dalam Rang Undang-undang ini ada melibatkan pindaan-pindaan yang saya rasa bertujuan untuk memperkemas setem ataupun masalah setem berhubungan dengan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Bank Islam seperti dalam Fasal 47 dan sebagainya mengenai dokumen-dokumen berhubungan dengan penjualan harta kepada bank ataupun oleh bank di bawah sistem Al-Bai-Bithaman Ajil yang sedang diselenggarakan oleh Bank Islam.

Satu perkara yang saya nampak menjadi masalah yang timbul baru-baru ini ialah Bank Islam telah menggunakan suatu dokumen yang dinamakan, dengan izin, 'Financing Facility Agreement' yang sebenarnya merupakan satu "Novation". Saya telah pernah berpengalaman dengan pihak yang berkuasa setem yang mengkehendaki supaya dokumen seperti ini disetem sebagai "charge", dengan izin, ataupun gadaian. Maka oleh kerana itu ada timbul masalah bahawa orang yang menggunakan Bank Islam terpaksa membayar cukai setem dua kali ganda. Perkara ini saya telah kemukakan kepada pihak Bank Islam supaya menyelesaikan dengan pihak Kementerian Kewangan tetapi saya tidak

tahu sama ada ia telah dikemukakan ataupun tidak. Tetapi masalahnya saya suka menarik perhatian pihak Menteri Kewangan supaya menyelesaikan masalah dokumen yang dinamakan 'Financing Facility Agreement' yang dikehendaki supaya disetem sebagai gadaian. Saya tidak tahu sama ada seperti yang terkandung di dalam Fasal 47 yang di sini dipanggil 4A (a) dan (b) itu sama ada ianya bersamaan dengan apa yang saya katakan tadi sebagai Financing Facility Agreement tadi. Tetapi saya nampak ini hanya berhubungan dengan item 27 di dalam Jadual kepada Ordinan Setem, 1949. Itulah sahaja, saya minta pihak Menteri Kewangan mengambil perhatian supaya mereka yang menggunakan facility Bank Islam tidak dikehendaki supaya membayar duti setem dua kali ganda.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tiada Yang Berhormat hendak bercakap?

6.08 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Kewangan 1984 di mana Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Ordinan Setem 1949, Ordinan Setem (Sabah), Ordinan Setem (Sarawak), Enakmen Duti Harta Pusaka 1971, Ordinan Duti Harta Pusaka (Sabah), Ordinan Duti Harta Pusaka (Sarawak) dan Akta Kewangan (Duti Harta Pusaka) 1980 bagi maksud-maksud yang dinyatakan di bawah ini yang mana telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi.

Kita mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan usaha Kerajaan terutama Kementerian Kewangan di atas masalah-masalah untuk mendirikan taraf bumiputera dan juga syarikat-syarikat berkaitan dengan duti-duti

yang dinyatakan di dalam Rang Undang-undang tadi yang mana pada dahulu dikenakan duti-duti yang sehinggakan tidak dapati dibayar oleh syarikat-syarikat yang dipunyai oleh bumiputera kerana terlampau banyak duti-duti untuk dibayar tetapi sekarang duti-duti itu banyak telah dipotong oleh pihak Kerajaan, ini kita ucapkan berbilang terima kasih.

Dalam masalah-masalah lain, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan, bagi meninggikan taraf penerbangan kebangsaan kita MAS (Sistem Penerbangan Malaysia) iaitu kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang bersara dan seterusnya yang dinyatakan tadi mendapat tambang dan di sini juga diharapkan supaya mereka yang menggunakan kapalterbang yang dipunyai oleh negara kita sendiri, ini juga saya rasa satu perkara yang begitu baik. Kerana sebelum ini mereka itu mencari kapalterbang yang sesuka hati mereka sendiri tanpa menggunakan kapalterbang yang dipunyai oleh negara kita sendiri. Oleh itu, dalam masalah ini kita ucapkan terima kasih di atas pandangan yang telah diberi oleh Kementerian ini supaya kuatkuasa yang telah dijalankan sejak tahun 1984 ini telah berjalan dengan baik dan kita haraplah supaya ahli-ahli ataupun pegawai-pegawai yang berkenaan mengikut arahan undang-undang ini.

Selain daripada itu, tentang Fasal 11 meminda Subseksyen (6) Seksyen 44 Akta ibu supaya segala dermaan berupa wang tunai kepada pihak berkuasa tempatan akan layak mendapat potongan. Sebagaimana dikatakan tadi, Fasal 12 ialah berhubung dengan cukai pendapatan dan relief untuk anak pertama dan kedua ialah sebanyak \$650 dan \$750 dan \$800 untuk anak ketiga dan seterusnya. Di sini memandangkan keadaan ini memang kita ucapkan terima kasih juga tetapi oleh kerana memandangkan pihak Kerajaan lebih-lebih lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang ini berkehendakkan negara Malaysia ini

supaya penduduk-penduduk akan bertambah menjelang 115 tahun dan berkehendakkan 70 juta manusia dalam negara Malaysia ini. Oleh itu, dalam masalah ini bagi menggalakkan sementara waktu kalau boleh supaya dikecualikan sedikit lagi ataupun kurangkan lagi kepada orang-orang yang mana sebentar tadi dalam soal jawab ada mengatakan kalau bini dua, anak lapan atau sepuluh bagaimana isteri-isteri dapat dipotong dan begitu juga kemungkinan kalau hendak menggalakkan lagi isteri-isteri ataupun isteri seorang sahaja boleh melahirkan anak sepuluh atau dua belas supaya dapat dikecualikan daripada cukai pendapatan yang dinyatakan ini walaupun berapa banyak yang dia dapat tetapi saya rasa tidak lebih daripada \$50,000 setahun dihadkan dan lebih daripada itu dikenakan. Kerana dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, kita faham dalam negara kita sekarang ini wang tidak begitu besar harganya, lebih-lebih kalau anak-anak mereka ini telah meningkat umur, besar akan melanjutkan pelajaran ke luar negeri dan seterusnya dapat mereka ini membiayai dengan secukupnya tanpa meminta bantuan daripada scholarship ataupun biasiswa itu daripada Kerajaan. Dengan keadaan ini dapatlah di samping membanyakkan anak-anak ataupun kelahiran dalam negara kita ini disamping itu juga dapat mereka ini, ibu-ibu dan bapa-bapa menghantar melanjutkan pelajaran anak-anak mereka keluar negeri untuk kepentingan negara di masa yang akan datang.

Fasal 13 yang bercadang meminda Seksyen 54 Akta iaitu tarif baharu bagi "kapal Malaysia"-

" 'Malaysia ship' means a sea-going ship registered as such under the Merchant Shipping Ordinance 1952, other than a ferry, barge, tug-bot, supply vessel, crew boat, lighter, dredger, fishing boat or other similar vessel."

Dan selanjutnya menjelaskan yang bot-bot atau vesel-vesel dan kategori-kategori tertentu sahaja dikecualikan dari tarif kapal Malaysia. Pindaan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1984.

Di sini saya ingin menyatakan dalam soal ini, ini juga pendapat yang baik tetapi dalam masalah ini kita mesti ingat pihak Kerajaan supaya benar-benar kapal yang dikatakan ini ialah dibuat di Malaysia ataupun dipunyai oleh syarikat-syarikat yang benar-benar dalam negara Malaysia ini. Tetapi apa yang saya hendak sebutkan di sini sama ada boleh ataupun tidak tetapi sebut sahaja iaitu berhubung dengan kapal kita di sini, ini ada berlaku pada satu masa dan baharu-baharu ini saya dengar dalam suratkhbar iaitu berhubung dengan masalah kapal Malaysia, kapal kepunyaan orang Melayu kita sendiri iaitu Lembaga Padi dan Beras Negara yang mana baharu-baharu ini pihak Lembaga Padi dan Beras Negara apa yang saya dapat tahu tidak menerima kapal kepunyaan bumiputera yang mana kapal ini tidak boleh membawa lebih daripada 7 tan isi muatan telah direntikan perमितnya untuk membawa beras daripada negeri Thailand. Malahan syarikat ini telah berjalan begitu lama tetapi telah direntikan dia punya permit dan diberi kepada syarikat yang lain. Apa yang saya dapat tahu syarikat ini bukanlah syarikat kepunyaan bumiputera seluruhnya ataupun syarikat yang wujud di Malaysia ini tetapi mengikut ini telahpun dibuat taksiran tahun 1984. Oleh itu, saya ingin bertanya benar ataupun tidak perkara ini berlaku. Kalau tidak, saya berharaplah supaya Fasal 13 ini yang mana telah dikatakan berkuatkuasa dari tahun 1984 supaya dapat dijalankan.

Mengenai Fasal-fasal yang lain, oleh kerana persiapan-persiapan tidak ada, saya sangka benda ini tidak akan timbul pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang dapat saya sentuh dalam masalah Akta Kewangan

yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi.

Dengan ini saya menyokong di atas pindaan atas Rang Undang-undang yang dibentangkan sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

6.18 ptg.

**Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Kewangan 1984 dan ingin merujuk kepada Fasal 15 yang terkandung dalam Bab II mengenai pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Apa yang terkandung dalam pindaan pada Fasal 15 saya berpendapat adalah satu lambaran baharu di dalam bidang cukai pendapatan individu di negara ini kerana telah lama sehingga kinilah pihak Kementerian Kewangan memikirkan tiba masanya untuk kita meminda kadar-kadar cukai mengikut tahap-tahap pendapatan mereka yang membayar cukai. Jadi ini adalah suatu lambaran baharu, satu tindakan yang begitu berani sekali kerana selama ini kita dapati banyak kelohan daripada mereka yang membayar cukai bahawa cukai di negara kita ini adalah tinggi jika sekiranya dibandingkan dengan negara-negara jiran. Oleh yang demikian, oleh kerana cukai yang paling tertinggi untuk golongan berpendapatan yang tertinggi diselaraskan kepada tahap 40% maka kesan yang baik yang dirasakan oleh pindaan cukai ini adalah kesetaraan dari segi cukai untuk syarikat dan untuk individu. Selain daripada itu faedahnya ialah menyamakan kadar cukai yang dikenakan oleh Kerajaan di negara ini kepada rakyatnya dibandingkan dengan misalnya kadar cukai yang dirasakan oleh rakyat negara jiran seperti Singapura. Tetapi dalam soal menurunkan cukai ini beberapa implikasi sewajarnya dikesan oleh pihak Kementerian dalam jangka masa yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa adanya masa yang terpaksa diambil kira, maksud saya adanya time lag, dengan izin, untuk pihak Kementerian mengesan apakah implikasi daripada turunnya kadar-kadar cukai itu. Saya percaya turunnya kadar cukai ini adalah dengan tujuan untuk memberi peluang kepada pihak sektor swasta keseluruhannya dan juga kepada golongan peniaga, golongan pengusaha, golongan entrepreneur untuk mengambil perhatian yang lebih aktif lagi di dalam pertumbuhan ekonomi di negara kita.

Jadi berdasarkan kepada memberi kemudahan yang lebih kepada golongan individu, sama ada mereka mereka itu pengusaha dalam bidang perniagaan ataupun profesional dan sebagainya, ialah turunnya cukai ini menyebabkan tingginya pendapatan yang boleh digunakan oleh mereka dan tingginya pendapatan mereka itu bermakna disalurkan untuk tabungan yang lebih tinggi dan daripada tabungan itu mereka akan menyalurkan kepada pelaburan dan daripada pelaburan itu juga akan memastikan adanya sumber-sumber untuk meningkatkan kadar pertumbuhan di negara kita.

Ini adalah harapan kita. Saya percaya ini juga adalah harapan daripada pihak Kementerian yang membuat pindaan yang berani ini. Di samping itu juga saya berasa khuatir, oleh yang demikian saya menyarankan di sini supaya pihak Kementerian membuat pengesanan sejauh mana pula tingginya pendapatan menyebabkan tingginya jumlah pendapatan yang boleh digunakan itu membawa kepada penggunaan yang lebih tinggi pula.

Kita tidak merasa sulit kalau sekiranya penggunaan yang meningkat itu dikekalkan dalam konteks ekonomi di negara kita sendiri kerana kita akan menghadapi kesulitan yang lebih serius lagi jika sekiranya penggunaan yang lebih tinggi itu mengalir keluar daripada ekonomi negara kita. Oleh kerana kedudukanimbangan dagangan di

negara kita ini akan merisaukan pada tahun-tahun yang kebelakangan ini, maka dengan adanya kenaikan pendapatan yang boleh digunakan itu, saya merasa risau juga sejauh mana ianya akan mengalir keluar daripada ekonomi negara kita. Mereka yang mendapat faedah daripada turunnya kadar-kadar cukai yang tinggi ini dan berdasarkan kepada cara hidup yang serba moden ini, maka kalau tidak banyak, sedikit semestinya keluar daripada ekonomi negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan di sini supaya pihak Kementerian mengesan sejauh mana pula kesan yang negatif ini akan dirasakan setelah mengambil kira time lag, dengan izin, seperti yang saya sebutkan tadi.

Satu lagi perkara yang hendak saya sebutkan di sini berkaitan dengan pindaan yang terkandung dalam Fasal 15 ialah kalau kita lihat kadar-kadar yang dipinda adalah berbeza-beza kesannya mengikut kumpulan yang mendapat faedah. Tetapi pada keseluruhannya yang dapat kita lihat ialah lebih tinggi tingkat pendapatan maka lebih tinggilah faedah yang didapati oleh kumpulan tersebut. Jadi pada keseluruhannya kalau kita lihat masyarakat Malaysia ini maka satu masalah yang masih dirasakan ialah adanya ciri-ciri ketidak seimbangan dari segi pendapatan dalam masyarakat kita. Sedikit sebanyak saya percaya bahawa perubahan kadar-kadar cukai ini membawa kepada lebih ketara lagi ciri-ciri tersebut.

Saya berpendapat kalau sekiranya dibandingkan dengan kedudukan antara golongan yang kurang berada dengan mereka yang mendapat faedah secara langsung daripada perubahan kadar-kadar cukai tersebut, maka lebih ketaralah ketidak seimbangan atau ketidak setaraan dari segi pengagihan pendapatan. Oleh yang demikian saya menyarankan di sini supaya pihak Kementerian sentiasa mengesan

tentang soal adanya jurang perbezaan dari segi pendapatan dalam masyarakat kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya sumbangkan di dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang ini dan saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang Kewangan, 1984.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh seorang lagi Ahli Yang Berhormat berucap.

6.25 ptg.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan serba ringkas mengenai Rang Undang-undang Kewangan, 1984 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Di sini saya mengalu-alukan atas kadar cukai baru yang telah dikemukakan oleh pihak Kerajaan yang mana saya percaya cukai yang dikenakan ke atas pendapatan seseorang adalah sungguh menggalakkan jika dibandingkan dengan cukai yang telah dikenakan pada tahun-tahun yang sudah sejak Akta Cukai, 1967 ini dimulakan, iaitu bagi pendapatan, misalnya seseorang yang berpendapatan \$100,000 mereka hendaklah dikenakan cukai sebanyak 55% yang mana seseorang yang mempunyai hasil dan pendapatan \$100,000 setahun merasakan terkilan sedikit kerana mereka yang bersusah payah pergi meminjam wang kepada bank, membuat cagaran kepada bank dan apabila mendapat keuntungan, Kerajaan mendapat 55% daripada hasil keuntungan yang mana hanya 45% tinggal kepada yang punya. Jadi ini amat mendukacitakan kepada mereka yang mempunyai pendapatan begini. Dengan jalan inilah timbulnya beberapa fikiran daripada orang-orang yang mempunyai pendapatan seperti ini untuk mencari jalan, mencari lubang, mencari 'loop-hole', dengan izin, di mana hendak

masukkan baki-baki wang yang hendak ditaruh ataupun cari negeri-negeri jiran di sana untuk taruh (deposit) wang simpanan. Jadi ini akan menyebabkan pengaliran keluar wang-wang kita ke negara lain.

Dengan adanya langkah yang berani dengan mengemukakan cukai pendapatan yang begitu liberal ini, saya fikir keseluruhan rakyat Malaysia sangat mengalu-alukan daripada 55% kepada 40% sahaja yang dikenakan kepada seseorang yang boleh dikenakan cukai pendapatan yang melebihi \$100,000.

Inilah, Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya sependapat juga dengan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan mungkin dengan adanya wang seperti ini kita akan belanjakan wang ini dalam negeri sendiri, dan kita boleh menunjukkan kemewahan dalam negeri kita sendiri, dan kita beli alat-alat perabot dalam rumah kita yang dibuat dalam negara sendiri, selaras dengan dasar Kerajaan. Kalau Kerajaan sudah

mula hendak menekan dan menindas mengenakan cukai yang begitu berat, manusia ini akan bersikap seperti belon, bila dia ditekan di sini, dia akan kembung di sebelah, jadi begini keadaannya.

Saya percaya dengan langkah yang diambil oleh Menteri Kewangan dalam mengenakan Akta Cukai baru ini begitu menggalakkan sekali. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun cukai ini hanya berbeza 15% kepada mereka yang berpendapatan melebihi \$100,000 tetapi kalau dikirakan daripada di atas yang pertama \$2,500 di bandingkan dengan yang ada sekarang ini iaitu hanya 5%, manakala sebelum pindaan ialah 6%.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 3.00 petang hari esok, 14hb Disember, 1984.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*